

LAPORAN TAHUNAN



LAPORAN
TAHUNAN
2013

PENASIHAT	PN. HJH. KAMARIAH NOR MOHD DESA
KETUA EDITOR	PN. NORAZIAH SHARUDDIN
EDITOR	CIK SALINA SHAMSHURI
SIDANG PENGARANG	PUAN NORAINI YAHYA PUAN NOR ASIKIN MOHAMED PUAN ZALEHA ATAN PUAN JUNAIDAH ISNAIN CIK BADARIAH BORHAM CIK HASLINA OTHMAN PN. NIK MASRIZA ZAKARIA CIK HAMIDAH MAT ARIFF
JURUFOTO	ENCIK MOHD JAMAL MOHD ARIFF
EDARAN	PUAN FARIDAH PATONI PUAN KARTINI IBRAHIM ENCIK FAIZAL FADZIL

SIDANG REDAKSI





KANDUNGAN

10

MAKLUMAT AM PERPUSTAKAAN

14

PEMERKASAAN HALA TUJU

18

PRESTASI DAN PENCAPAIAN 2013

26

PENGURUSAN KEWANGAN

28

PEMBUDAYAAN INOVASI DAN KREATIVITI

34

PENGURUSAN DAN PEMERKASAAN MODAL INSAN

45

INISIATIF FOKUS PELANGGAN

55

SOKONGAN PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN PENGGUNA

61

PEMUPUKAN BUDAYA ILMU

66

KHIDMAT KOMUNITI DAN PERHUBUNGAN KORPORAT

73

KOMUNIKASI DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI

78

PENGUKUHAN KOLEKSI

81

STRATEGI 2014

JADUAL

Jadual 1	Petunjuk Prestasi Utama Perpustakaan 2013
Jadual 2	Perbandingan Penarafan UTM-IR Pada Tahun 2012-2013
Jadual 3	Lantikan Baru Staf Pengurusan & Profesional
Jadual 4	Lantikan Baru Staf Pelaksana 2013
Jadual 5	Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013
Jadual 6	Perkhidmatan Runding Rujuk
Jadual 7	Bilangan UTMRS 2013
Jadual 8	Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar
Jadual 9	Jumlah Koleksi Perpustakaan Fakulti
Jadual 10	Program Keilmuan 2013
Jadual 11	Jumlah Pameran 2013
Jadual 12	Tahap Kepuasan Keseluruhan
Jadual 13	Tahap Kepuasan Mengikut Kategori Pengguna

RAJAH

Rajah 1	Ranking UTM-IR: Top Institutional (Julai 2013)
Rajah 2	Ranking UTM-IR (Malaysia): Januari-Julai 2013
Rajah 3	Kedudukan UTM-IR di Ranking Web of World Repositories
Rajah 4	Jumlah Pendeposit Bahan di UTM-IR 2013
Rajah 5	Perbandingan Peruntukan Keseluruhan Perpustakaan 2009-2013
Rajah 6	Perbandingan Peruntukan Pembelian Jurnal dan Media Elektronik 2009-2013
Rajah 7	Kekerapan Kursus Dalaman Perpustakaan
Rajah 8	Statistik Program Latihan Dalaman Perpustakaan UTM
Rajah 9	Kursus Anjuran Luar
Rajah 10	Program Latihan Staf Melebihi 40 Jam Setahun
Rajah 11	Perangkaan Staf Perpustakaan Bagi Tahun 2013
Rajah 12	Indeks Kepuasan Staf
Rajah 13	Pengunjung Perpustakaan 2013
Rajah 14	Pinjaman dan Penggunaan Bahan 2013
Rajah 15	Pinjaman dan Penggunaan Bahan Mengikut Kategori Ahli
Rajah 16	Perangkaan ILL Bagi Tahun 2013
Rajah 17	Rujukan ke Perpustakaan 2013
Rajah 18	Jumlah Pelawat 2013
Rajah 19	Jumlah Lokasi UTMRS Mengikut Tahun
Rajah 20	Jumlah Kumulatif Koleksi UTMRS
Rajah 21	Pengurusan Penerbitan Penyelidikan (Jumlah Tuntutan Insentif 2013)
Rajah 22	Akses Pangkalan Data dan Pendidikan Pengguna
Rajah 23	Perbandingan Jumlah Kelas & Jumlah Pelajar Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat 2012 & 2013
Rajah 24	Perbandingan Jumlah Kelas & Jumlah Pelajar Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas 2012 & 2013
Rajah 25	Perbandingan Jumlah Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan Mengikut Fakulti 2012 & 2013
Rajah 26	Perbandingan Jumlah Kelas & Jumlah Pelajar UKQD 1211: Kemahiran Pencarian Maklumat 2012 & 2013
Rajah 27	Perbandingan Bilangan Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar Tahun 2006-2013
Rajah 28	Stok Perpustakaan 2013
Rajah 29	Langganan Jurnal Elektronik & Media Elektronik Secara Kumulatif 2012-2013

SINGKATAN

BS	<i>British Standard</i>
BSC	<i>Balanced Scorecard</i>
IATUL	<i>International Association of Scientific & Technological University Libraries</i>
IBD	Institut Pembangunan Bioproduk
IFLA	<i>International Federation of Library Associations & Institutions</i>
ISO	<i>International Organization for Standardization</i>
KAI	<i>Key Amal Indicator</i>
KIK	Kumpulan Inovatif & Kreatif
KPI	<i>Key Performance Indicators/Petunjuk Prestasi Utama</i>
MJIIT	<i>Malaysian-Japan International Institute of Technology</i>
MOLEC	<i>Malaysian Online E-Resources Consortium</i>
MS	<i>Malaysian Standard</i>
PERPUN	Persidangan Perpustakaan Universiti & Perpustakaan Negara
PPMKS	Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Selatan
SIG	<i>Special Interest Group</i>
SPACE	<i>School of Profesional & Continuing Education</i>
TQM	<i>Total Quality Management</i>
UTM-IR	<i>UTM Institutional Repository</i>
UTMRS	<i>UTM Reading Station</i>

PERUTUSAN KETUA PUSTAKAWAN PERPUSTAKAAN UTM

PN. HJH. KAMARIAH BINTI NOR MOHD DESA



Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera & Salam 1 Malaysia

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya juga, kita telah sama-sama dapat menempuh tahun 2013 dengan jayanya. Saya percaya, tempoh satu tahun yang kita lalui ini telah membawa seribu cabaran dan dugaan. Namun, berkat kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh semua warga kerja Perpustakaan UTM kita berjaya mencapai matlamat yang disasarkan.

Tahun 2013 menyaksikan Perpustakaan telah mencapai beberapa kejayaan yang membanggakan. Antaranya telah memenangi Anugerah Teknologi Maklumat UTM 2013: Webometriks atas pencapaian cemerlang laman web perpustakaan dalam mengenangkan perkhidmatan di persada global. Selain itu, pencapaian Repozitori UTM iaitu UTM-IR yang sentiasa mengekalkan kedudukannya di antara 100 tangga yang pertama terbaik di dunia sejak 2009 hingga 2013.

Pada tahun 2013 juga, Perpustakaan berjaya memperolehi Pensijilan Semula MS ISO 9001: 2008 yang membuktikan Perpustakaan UTM sentiasa bersedia mengekalkan prestasi berkualiti untuk kecemerlangan organisasi. Perpustakaan juga turut meraih Anugerah *Emerald High Usage Award* dari Emerald Publishing. Di samping itu, sebagai urusetia kepada *Special Interest Group* Perpustakaan Akademik di Malaysia, Perpustakaan terus memastikan semua perpustakaan akademik di Malaysia mengadaptasi dan menjajarkan keperluan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan seragam dan menganjurkan Bengkel Dokumentasi Petunjuk Prestasi Utama di Perpustakaan UTM Kuala Lumpur dan sambutan yang diterima amat menggalakkan. Perpustakaan turut memenangi pingat perak dalam Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti bagi tahun 2013. Di dalam kerja sosial korporatnya, Perpustakaan juga telah berjaya menganjurkan majlis penyerahan buku dan komputer terpakai serta perisian asas serta *UTM Reading Station* di Sekolah Kebangsaan Ayer Manis Kulaijaya, Johor. Perpustakaan juga telah berjaya memperluaskan pendekatan strategi laut biru melalui kerjasama dengan beberapa jabatan di UTM seperti pihak Canseleri, Pejabat Harta Bina dan jabatan lain dalam usaha menjalankan program pemupukan budaya ilmu atau *K-Culture* di persekitaran kampus UTM.

Pelbagai aktiviti dan kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2013 ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua staf Perpustakaan UTM, masyarakat sekitar serta pihak yang berkepentingan.

Akhir kata, tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam menerbitkan Laporan Tahunan Perpustakaan UTM 2013 dengan harapan ia dapat dijadikan penanda aras serta rujukan dan panduan dalam membuat perancangan pada tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN



Kamariah Nor Mohd Desa
Ketua Pengurusan



Anuar Talib
*Timbalan Ketua Pustakawan
(Perancangan & Pembangunan)*



Noraziah Sharuddin
*Timbalan Ketua Pustakawan
(Perkhidmatan)*



Badariah Borham
*Ketua Bahagian
Pemprosesan Teknikal*



Noraini Yahya
*Ketua Bahagian
Sokongan Penyelidikan*



Junaidah Isnain
*Ketua Bahagian
Perkhidmatan Lanjutan*



Nor Asikin Mohamad
*Ketua Bahagian
Pembangunan Automasi*



Zafarina Dol
*Ketua Bahagian
Perkhidmatan Maklumat*



Zaleha Atan
*Ketua Bahagian
Pembangunan Sumber*



Kamariah Mohd Jong
*Ketua Bahagian
Repositori*



Haslina Othman
*Ketua Bahagian
Pengurusan Koleksi*



Nik Masriza Zakaria
*Ketua Bahagian Perpustakaan
Cawangan Kuala Lumpur*

PERPUSTAKAAN UTM SEKILAS PANDANG



Perpustakaan UTM telah melalui fasa perkembangan yang panjang dan telah memberi sumbangan besar kepada proses pembelajaran, pengajian serta penyelidikan kepada UTM khasnya dan negara amnya. Kini, Perpustakaan UTM boleh berbangga kerana mempunyai perpustakaan cawangan di Johor Bahru, Kuala Lumpur, serta Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) dan sebelas (11) Perpustakaan Fakulti. Perpustakaan UTM juga bersama SPACE menguruskan koleksi Pusat Sumber School of Professional and Continuing Education (SPACE) di seluruh negara.

Dalam tempoh 40 tahun ini, Perpustakaan UTM telah menyaksikan perkembangan dan pembaharuan yang amat pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Negara ini. Tanggungjawab yang digalas perpustakaan ini telah diurus dengan perancangan dan pelaksanaan yang mengambil kira keperluan semua pihak terutamanya pihak universiti. Dengan koleksi yang kukuh dalam bidang sains dan teknologi, Perpustakaan kini memainkan peranan penting sebagai pembekal dan penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan masyarakat UTM dan sekitarnya.

Dari permulaan sebagai Kolej Teknikal, perpustakaan hanya mempunyai koleksi 15,000 judul buku dan 80 tajuk jurnal. Sejak itu, pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan pengembangan koleksi, ruang fizikal pelbagai jenis dan perkhidmatan. Sehingga kini koleksi perpustakaan telah mencapai hampir setengah juta yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan bahan-bahan komputer. Kebanyakan operasi dan perkhidmatan Perpustakaan dikendalikan oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi Perpustakaan boleh dicapai melalui katalog atas talian perpustakaan yang boleh dicapai di portal perpustakaan.

Perpustakaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam teknologi maklumat untuk mencapai objektif menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik untuk pengguna.

Perpustakaan sebagai pusat ilmu terulung dalam bidang sains dan teknologi.

VISI

Menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains dan teknologi.

Kecemerlangan Informasi

MISI

MOTO

Memberi perkhidmatan berdasarkan maklumat kepada pelanggan.

Mengurus maklumat yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan UTM.

Mempromosi perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dalam dan luar UTM.

Memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam dan luar UTM.

OBJEKTIF PERPUSTAKAAN



Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpandukan kepada perlunya kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan yang boleh tercapai dengan memastikan:

- 1 Staf beretika, mahir dan profesional
- 2 Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi
- 3 Keselamatan sumber terpelihara
- 4 Proses kerja berkesan dan cekap
- 5 Penggunaan teknologi di tahap intensif

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari masa ke semasa seperti berikut:

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan melengkapkan Koleksi Khas dan *UTM Institutional Repository* (UTM-IR) sehingga tahun terkini
- Mengatalog semua penulisan UTM sehingga tunggakan sifar
- Minimum 5% pendepositan rekod di *UTM Institutional Repository* (UTM-IR) bagi tahun semasa
- Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua kali setahun
- Memastikan penyelenggaraan perpustakaan digital dilaksanakan secara berterusan
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi Program Pendidikan Pengguna
- Melaksanakan aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu mengikut keperluan semasa
- Mengaudit pelaksanaan *Standard People Practices* sekurang-kurangnya 1 kali setahun.

Perancangan teratur dan analitik akan membawa Perpustakaan ke arah perkhidmatan yang melepassi tahap ekspektasi pelanggan dan pihak-pihak tertentu yang berkepentingan kepada Perpustakaan. Oleh itu, sangatlah penting semua staf memahami, melaksana dan mengutamakan Polisi Kualiti Perpustakaan.

OBJEKTIF KUALITI

PIAGAM PELANGGAN



Menyedari pelanggan Perpustakaan memerlukan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki, staf Perpustakaan adalah komited kepada usaha dan pembaikan berterusan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. Kami berjanji memberi perkhidmatan yang cemerlang serta bersedia melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan seperti berikut:

- 1 Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan:**
 - Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungkan sebelum pertengahan bulan September bagi peralatan kecuali bahan bacaan setiap tahun
 - Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar
 - Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangkamasa yang ditetapkan
 - Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan
 - Memastikan pelanggan diberi layanan di Kaunter Sirkulasi dalam proses pemulangan bahan dalam masa 2.5 minit pada keadaan biasa.
- 2 Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.**
- 3 Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.**
- 4 Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.**
- 5 Memastikan persekitaran Perpustakaan selamat dan kondusif.**



STRUKTUR ORGANISASI PERPUSTAKAAN

Perpustakaan mempunyai struktur organisasi yang berfokuskan pelanggan. Perpustakaan diketuai oleh seorang Ketua Pustakawan yang dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan) dan Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan). Pengurusan perpustakaan meliputi Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru, Perpustakaan Raja Zarif Sofiah Johor Bahru,

Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur, Perpustakaan Razak School, Pusat Sumber Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) dan sebelas (11) buah Perpustakaan Fakulti yang terdapat di seluruh kampus UTM. Di samping itu, Perpustakaan UTM juga menguruskan perkhidmatan di Perpustakaan *School of Professional and Continuing Education (SPACE)* di seluruh negara.





PEMERKASAAN HALA TUJU

Iltizam bagi memastikan hala tuju strategik Perpustakaan UTM menepati aspirasi Universiti dan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 menuntut lakaran usaha yang lebih strategik dan berkesan. Bagi menyahut cabaran ini, pelaksanaan program dan aktiviti Perpustakaan UTM diperkuuh dan dipandu oleh Pelan Global UTM, Peta Strategi UTM, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), *Balanced Scorecard*, Perancangan Strategik Perpustakaan UTM 2013 serta penetapan KPI bagi seluruh warga Perpustakaan UTM.

Sebagai agensi peneraju transformasi Universiti, Perpustakaan UTM turut berperanan memandu seluruh warga yang lain dalam pemerkasaan dan pengukuhan budaya organisasi berprestasi tinggi menerusi pembangunan Perancangan Strategik Perpustakaan UTM 2013.



PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN 2013



Dalam usaha menangani dan bertindak balas terhadap perubahan landskap globalisasi dan cabaran masa kini, Perpustakaan UTM bergerak berdasarkan satu pelan strategik yang tersusun dan sistematik. Ia bagi menterjemahkan misi, visi dan strategi kepada aktiviti-aktiviti kerja sehari-hari untuk menentukan halatuju masa depan perpustakaan.

Perancangan Strategik ini bergerak mengikut kerangka Peta Strategi UTM dalam tempoh masa pelaksanaan (2009-2013) dan penting sebagai panduan kepada seluruh warga Perpustakaan merancang dan melaksanakan pelbagai program berdasarkan rangka kerja strategik yang telah ditetapkan. Pelan Strategik ini bermula dari setiap individu dan diterjemahkan kepada setiap unit atau bahagian di Perpustakaan seterusnya kepada keseluruhan organisasi.


Bagi melaksanakan segala perkhidmatan dan kemudahan oleh perpustakaan, perancangan serta penyelarasannya kerja yang berkesan amat diperlukan. Perpustakaan telah pun mengenalpasti inisiatif-inisiatif untuk dilaksanakan di bawah perancangan strategik ini. Sebahagian daripadanya telah pun diusahakan terlebih dahulu, tetapi proses pelaksanaannya dimantapkan di dalam langkah ini. Perpustakaan juga telah mengenalpasti inisiatif-inisiatif baru yang akan memberi impak lebih besar. Secara menyeluruh, Perpustakaan telah gabungkan inisiatif lama dan baru yang benar-benar dapat mencapai objektif Perpustakaan.

Pelan Strategik ini dapat diterjemahkan melalui penggunaan Key Amal Indicator (KAI) Staf Bukan Akademik yang memberi penekanan kepada empat (4) fokus utama.

MODEL PRESTASI PERPUSTAKAAN UTM

Bagi tahun 2013, Perpustakaan UTM bergerak berdasarkan Model Prestasi sepertimana Rajah ini yang berasaskan kepada BS ISO 11620: 2008. Ia bagi menterjemahkan misi, visi dan strategi kepada aktiviti-aktiviti kerja sehari-hari untuk menentukan halal tuju masa depan perpustakaan yang lebih cemerlang.

Empat komponen utama yang dititikberatkan dalam model ini adalah kos, ruang, efisiensi dan kepuasan pelanggan.



KOS

perpustakaan akan terus memastikan kos kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan memberikan pulangan dan relevan dengan keperluan pengguna.

RUANG

perpustakaan akan sentiasa berusaha memantapkan pembangunan fizikal serta prasarana di samping menyediakan sumber maklumat yang terkini sejajar dengan keperluan Universiti.

EFISIEN

perpustakaan percaya kejayaan dan kekuatan perpustakaan terletak pada keupayaan sumber manusia dalam menghadapi cabaran dan perubahan demi demi pembangunan sejagat.

KEPUASAN PELANGGAN

perpustakaan akan terus menjadikan organisasi lebih berfokus pelanggan agar segala perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dapat memberi manfaat kepada semua pelanggan di tahap yang memuaskan.



PELAN TINDAKAN INDIVIDU

Sebagai panduan kepada seluruh warga, Perpustakaan merancang dan melaksanakan pelbagai program berdasarkan kepada perancangan strategik yang telah ditetapkan, pemakaian Pelan Tindakan Individu sepertimana yang dibentangkan dalam Taklimat Tahun Baharu 2013 oleh Ketua Pustakawan adalah terpakai. Pelan Tindakan Individu ini bermula dari setiap individu dengan penghayatan nilai-nilai murni yang menjadi pemangkin kepada penjawat awam yang berilmu pengetahuan, berintegriti, amanah, kreatif dan inovatif.

PERANAN INDIVIDU

MEMAHAMI DAN MENGHAYATI PELAN GLOBAL UTM DAN MENERAPKAN DALAM PROSES KERJA DI PERPUSTAKAAN

SUMBANGAN SECARA PROAKTIF KEPADA PERPUSTAKAAN DAN UTM

KERJA BERPASUKAN

DNA PERPUSTAKAAN - TINGKATKAN TAHAP INTEGRITI KECEKAPAN (LEAN, EFFICIENT AND EFFECTIVE) DAN PENGUKUHAN INTEGRITI

TINGKATKAN KEMAHIRAN

MINDA JANGKA PANJANG

KAI SEBAGAI PANDUAN BUKAN MATLAMAT

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2013

Objektif Strategik	Indeks Prestasi Utama	Pencapaian 2012	Pencapaian 2013
Sistem Penyampaian yang Cemerlang	Indeks Kepuasan Pelanggan	72.82%	79%
Peningkatan Keusahawanan Staf	Peratus penglibatan staf dalam projek keusahawanan	-	-
Peningkatan Komunikasi & Pemasaran Strategi Menerusi Aktiviti Komuniti	Jumlah komuniti projek	-	86%
Kemudahan Lengkap (<i>state of the art</i>) Prasarana Digital	Peratus meningkatkan pengisian Perpustakaan Digital	12%	12.2%
Persekutuan Kerja Kondusif (penyelidikan dan sosial)	Peratus Indeks Kepuasan Pekerja terhadap kampus	80%	82.42%

Jadual 1: Petunjuk Prestasi Utama Perpustakaan 2013



Dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan, Perpustakaan UTM telah memberi penekanan kepada sistem pengurusan prestasi berasaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Ini dapat direalisasikan melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama untuk setiap inisiatif dan program yang dilaksanakan. Keberkesanannya KPI dinilai melalui pelaksanaan proses kerja yang membantu pencapaian *outcome* dan impak yang seterusnya membawa kepada keberhasilan.

Beberapa projek yang dilaksanakan di bawah tanggungjawab seramai 43 profesional Perpustakaan UTM bermula dari jawatan Ketua Pustakawan sehingga kedua-dua Timbalan Ketua Pustakawan seterusnya pustakawan dan semua staf pelaksana telah dikenal pasti untuk menyumbang kepada pencapaian KPI Perpustakaan. KPI yang diwujudkan dan pemantauan ke atas pencapaian KPI melihat kepada perkara berikut:





PRESTASI DAN PENCAPAIAN 2013

Prestasi Perpustakaan dilaporkan berdasarkan program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan serta pengendalian program keilmuan dan hubungan korporat sepanjang tahun 2013. Perpustakaan sentiasa berusaha untuk memantapkan pengurusan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan bagi mencapai matlamat Jabatan. Sehubungan dengan itu, program-program yang menekankan aspek kualiti sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa bagi membentuk budaya kerja berprestasi tinggi yang berasaskan nilai-nilai murni dan etika dan seterusnya memberi impak yang signifikan kepada pelanggan dan masyarakat.

Peningkatan dan pencapaian Perpustakaan dalam melaksanakan fungsi serta peranan Jabatan dapat dinilai berdasarkan perkhidmatan teras yang diberikan kepada warga kampus Universiti Teknologi Malaysia dalam menyokong proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan di Malaysia.

PENJENAMAAN PERPUSTAKAAN UTM



Pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 16/2013 bertarikh 3 September 2013 telah bersetuju meluluskan penjenamaan semula Perpustakaan Sultanah Zanariah kepada Perpustakaan UTM (*UTM Library*) melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 38/2013.

Antara matlamat penjenamaan ini adalah khusus untuk menyokong transformasi UTM berdasarkan perkara berikut:

- 1 Memberikan nama baru yang boleh menjadikan pemangkin kepada transformasi Perpustakaan UTM (*UTM Library*) ke arah budaya akademia baru.
- 2 Memberi impak yang lebih tinggi dan lebih tepat yang merangkumi ketiga-tiga perpustakaan besar iaitu Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kampus Kuala Lumpur, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan Perpustakaan Fakulti, Sekolah Pengajian Siswazah, Institut Pembangunan Bioproduk, Perpustakaan Menara Razak, Perpustakaan MJIT dan Perpustakaan UTM Space Kuala Lumpur.

Di samping itu, Ketua Pustakawan adalah ketua yang bertanggungjawab pada keseluruhan Perpustakaan UTM (*UTM Library*) bagi memastikan kelancaran operasi pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan.

Semua warga Perpustakaan UTM menyambut baik penjenamaan baru sebagai usaha pemasaran dan promosi perpustakaan di persada global.



PERLANTIKAN KETUA PUSTAKAWAN SEBAGAI "AHLI KUMPULAN SERANTAU IATUL BAGI ASIA TENGGARA"



Ketua Pustakawan UTM, Puan Kamariah Nor Mohd Desa telah dilantik sebagai 'Ahli Kumpulan Serantau IATUL bagi Asia Tenggara' sempena *IATUL Leadership Academy 2014*. Ketua Pustakawan telah menerima surat pelantikan daripada Presiden IATUL, Dr Reiner Kallenborn di Universiti Oxford semasa menghadiri Bengkel *Research Data Management* dari 6 hingga 7 Disember 2013.

Dengan perlantikan ini, ia menunjukkan Pustakawan sentiasa diiktiraf sebagai kuasa ke atas pengurusan maklumat, memainkan peranan dalam cara maklumat disebarluaskan di dunia ini sentiasa berubah dan pesat membangun, komunikasi, memperluaskan transformasi teknologi, rangkaian tanpa sempadan dan saling pergantungan global. Sebagai pustakawan mereka

boleh memainkan peranan penting dalam penyelenggaraan taraf hidup dan perkembangan selanjutnya dalam warisan dunia.

Sebagai ahli Kumpulan Serantau IATUL, Ketua Pustakawan diberi peluang untuk membuat sumbangan penting kepada pembangunan perkhidmatan perpustakaan di seluruh dunia yang merupakan satu tugas yang mencabar dan sememangnya satu tanggungjawab yang besar untuk seorang pemimpin perpustakaan. Ini memerlukan keupayaan untuk fleksibel dan cekap mengemudi perpustakaan melalui keperluan pelanggan dan persaingan institusi, serta cabaran mengikuti kedudukan dan memuaskan keperluan kakitangan dengan apa sahaja sumber yang terhad.



EMERALD HIGH USAGE AWARD

Perpustakaan UTM berbangga menjadi penerima Anugerah *Emerald High Usage* 2011 dan 2012, yang diserahkan oleh pihak Emerald Group Publishing Limited. Anugerah disampaikan pada 6 November 2013 oleh Encik Amex Tan, Pengurus Besar, Academic East Asia, Pejabat Wilayah Malaysia iaitu Emerald Kumpulan Ltd.

Pada tahun 2011, Perpustakaan UTM menduduki tempat ke-18 tertinggi memuat turun artikel dari Emerald (132,493 artikel) di seluruh dunia.

Bagi tahun 2012, Perpustakaan UTM menduduki tempat ke-13 tertinggi dengan 143,041 muat turun artikel Emerald di seluruh dunia.



ANUGERAH WEBOMETRICS 2013

Perpustakaan UTM telah berjaya merangkul Anugerah Teknologi Maklumat; Anugerah Webometrics UTM 2013 bagi kategori Bukan Akademik berupa wang tunai sebanyak RM5,000.00, trofi dan sijil penghargaan sempena Majlis Kecemerlangan & Penghargaan UTM 2013 (Citra Karisma) yang telah diadakan pada 4 Julai 2013. Anugerah telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Salleh Abu, Pro Canselor UTM bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.

Penarafan Webometrics bagi kategori bukan akademik ini merupakan anugerah yang diberi kepada jabatan atau bahagian yang terlibat dalam memberi perkhidmatan kepada warga universiti serta yang menjalankan kerja-kerja pengurusan universiti bagi memastikan imej unggul universiti ini pada kaca mata dunia khususnya melalui kecemerlangan laman web.

Penilaian laman web ini adalah berdasarkan kepada domain.utm.my, proses pengenalpastian laman web dan menggunakan enjin carian bagi mendapatkan bacaan *web presence* dari segi jumlah laman yang dijumpai oleh enjin carian *Google Scholar* serta jumlah pautan yang dapat dikumpulkan melalui enjin carian pautan (*backlinks*) Ahref berdasarkan domain lawan web luar yang dipautkan ke laman web dalam domain.utm.my. Seterusnya secara tidak langsung membantu kedudukan UTM dalam penarafan Webometrics dunia setiap tahun dengan pelbagai usaha dan komitmen yang berterusan.





AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001: 2008

Pengurusan kualiti di perpustakaan terus dimantapkan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) secara lebih mampan sepanjang tahun 2013 bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah konsisten. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan kecemerlangan dan kelestarian Pengurusan Kualiti Perpustakaan termasuk Audit Dalam ISO, taklimat oleh wakil pengurusan dan Mesyuarat Semakan Pengurusan secara berkala.

Bagi tahun 2013, Perpustakaan UTM berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 dalam Audit Pensijilan Semula yang telah dijalankan oleh juruaudit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. iaitu Puan Siti Rahmah Ahmad dan Encik Azhar Kadir pada 19 dan 20 September 2013. Tujuan pengauditan kali ini adalah untuk menentukan sama ada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dilaksana menepati piawaian MS ISO 9001:2008. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menilai tindakan pembetulan yang dilaksanakan serta penambahbaikan yang dikenalpasti serta mengesyorkan peluang-peluang penambahbaikan kepada pengurusan.

Perpustakaan induk di Johor dan cawangannya di Kuala Lumpur telah diaudit meliputi skop proses penyelidikan dan pembangunan, perundingan, komersialisasi, jualan, latihan, pembekalan perkhidmatan dan bahan rujukan serta perkhidmatan sokongan yang lain. Perpustakaan berbangga kerana dengan komitmen semua pihak dalam menjayakan audit kali ini membuktikan usaha berterusan serta perkhidmatan berkualiti menjadi amalan semua warga perpustakaan dalam memastikan proses perkhidmatan sentiasa memuaskan demi kecemerlangan Perpustakaan UTM di arena global.





AUDIT UNIVERSITI PENYELIDIKAN

Universiti Teknologi Malaysia telah diaudit oleh panel audit Universiti Penyelidikan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 20 Mei hingga 21 Mei 2013 dari pukul 8 pagi hingga 5 petang di Dewan Senat dan Dewan Bankuet, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru.

Perpustakaan berperanan dalam pengurusan data penerbitan UTM dan telah turut serta dalam memastikan audit ini berjalan lancar. Ketua Pustakawan dan beberapa orang pustakawan telah turut sama hadir untuk memberi sokongan yang padu.

AKREDITASI SEBAGAI PENYEDIA KEMUDAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN


Perpustakaan UTM telah menerima kunjungan juruaudit dan wakil dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang setiap tahun menjalankan Audit Prestasi Akademik Universiti. Antara kriteria penilaian kepada perkhidmatan perpustakaan ialah pembangunan koleksi perpustakaan, organisasi sumber perpustakaan, sumber manusia, peruntukan kewangan dan perkembangan pembangunan koleksi mengikut fakulti di UTM. Ini kerana setiap garispanduan pembahagian koleksi kepada setiap fakulti adalah diambil kira dalam audit akreditasi sektor pendidikan.

<u>World Rank</u>	<u>Portal</u>	<u>Country</u>	<u>Size</u>	<u>Visibility</u>	<u>Files Rich</u>	<u>scholar</u>
61	TDL Repository Texas Digital Library Repository	USA	26	292	44	12
62	Delft University of Technology Repository	Netherlands	326	91	41	89
63	University of Oregon Scholars' Bank	USA	77	53	186	226
64	University of Minnesota Digital Conservancy	USA	551	67	87	121
65	University of Twente Repository	Netherlands	310	80	47	135
66	Kyoto University Research Information Repository	Japan	47	108	7	209
67	JAMSTEC Repository Japan Agency for Marine-Earth Science and Technology	Japan	12	7	97	886
68	Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository	Malaysia	495	103	138	71

Rajah 1: Ranking UTM-IR : Top Institutional (Julai 2013)



Rajah 2: Ranking UTM-IR (Malaysia); Januari-Julai 2013



Rajah 3: Kedudukan UTM-IR di Ranking Web of World Repositories

KATEGORI	TAHUN			
	2012		2013	
	JANUARI	JULAI	JANUARI	JULAI
Top Repositories	61	72	N/A	N/A
Top Institutional	49	55	36	68

Jadual 2: Perbandingan Penarafan UTM-IR pada tahun 2012-2013



Welcome to Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository

Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository (UTM-IR) is a digital collection of the University's intellectual or research output. Institutional repositories centralize, collect, preserve, and comply to open access concept of accessing collection of university's research that is freely available online output of Universiti Teknologi Malaysia community.

Universiti Teknologi Malaysia Library (Perpustakaan Sultan Zahara) is responsible in establishing, collaborating, managing, maintaining and disseminating the content of UTM-IR. Thank you.

Latest publications

View items added to the repository in the past week

Search & Browse

Browse the repository using a full range of fields. Use the search field at the top of the page for a quick search.

Browse Resources

Browse the items in the repository by subject

About this Collection

More information about this site

start

32,011


25,064

PENDEPOSITAN BAHAN DI UTM-IR

Pada tahun 2013 sebanyak 6,947 (115.8%) rekod telah didepositkan ke dalam UTM-IR dari yang disasarkan sebanyak 6,000 rekod setahun iaitu dari kumulat 25,064 rekod pada tahun 2012 kepada 32,011 rekod pada tahun 2013.

Dari masa ke semasa usaha pendepositon bahan ke repositori UTM ini akan ditingkatkan demi menyediakan akses mudah kepada semua pengguna perpustakaan dalam usaha pencarian maklumat terkini dengan mudah dan pantas.

Kini UTM-IR telah berjaya menghimpunkan koleksi ilmiah dan penyelidikan universiti dalam bentuk digital. Ia menjadi platform untuk mengumpul, memelihara dan mengadaptasi konsep akses secara terbuka (*open access*) yang dapat mengetengahkan bahan ilmiah dan hasil penyelidikan staf UTM ke peringkat global. Dengan perubahan teknologi yang pantas, IR bukan sahaja dilihat sebagai tempat untuk menyimpan, mengurus, dan mengakses kandungannya tetapi dimanfaatkan sepenuhnya oleh sesebuah organisasi dalam mengurus bahan intelek mereka.



Rajah 4: Jumlah Pendepositon Bahan di UTM-IR 2013



PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan Kewangan adalah penting bagi memastikan pihak pengurusan perpustakaan bertanggungjawab terhadap segala perbelanjaan, penilaian terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan kepada setiap urusan dan memberi asas munasabah serta gambaran yang benar dan saksama kepada kedudukan kewangan Perpustakaan UTM berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

PRESTASI

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

KOLEKSI PERPUSTAKAAN


Carta menunjukkan perbandingan peruntukan yang diterima dalam tempoh lima (5) tahun terakhir di mana tiada peningkatan ditunjukkan untuk tahun 2013 berbanding 2012 iaitu kekal dengan nilai RM15 juta. Walau bagaimanapun jumlah ini dilihat berkurangan sebanyak 8.7% jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diterima pada tahun 2011. Ia juga menunjukkan penyusutan bajet berbanding lima (5) tahun kebelakang yang telah menerima agihan berjumlah RM16 juta. Dengan kenaikan harga bahan rujukan, situasi ini menuntut kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat agar nisbah bahan berbanding pelajar dapat dikekalkan pada kadar yang ditetapkan.

Dalam tempoh lima (5) tahun terakhir di antara tahun 2009-2013, aliran agihan peruntukan bagi pembelian sumber perpustakaan dilihat tidak berada pada satu paras statik. Sebagaimana dapat diperhatikan pada Rajah 5, tiga (3) tahun pertama menunjukkan kenaikan dan penurunan nilai untuk kedua-dua pembelian dan kekal pada angka yang sama untuk tempoh dua (2) tahun terakhir.


Walau bagaimanapun untuk tahun 2013, tambahan bajet yang diperolehi melalui dana Universiti Penyelidikan bernilai RM1,000,000.00 telah dibelanjakan untuk langganan buku elektronik. Jika dilihat kepada jumlah agihan, peruntukan untuk

langganan jurnal dan media elektronik sentiasa diutamakan bagi menjamin pembaharuan langganan dapat diteruskan demi kesinambungan rujukan pengguna perpustakaan.

Rajah 6 menunjukkan perbandingan peruntukan pembelian sumber perpustakaan bagi tahun 2009-2013 di mana tiada peningkatan atau penurunan dalam tempoh 2 tahun terakhir. Walau bagaimanapun peruntukan untuk langganan jurnal dan media elektronik tetap diutamakan bagi membolehkan pembaharuan langganan dapat diteruskan dan menjamin perkhidmatan rujukan kepada pengguna.



Rajah 5: Perbandingan Peruntukan Keseluruhan Perpustakaan 2009-2013



Rajah 6: Perbandingan Peruntukan Pembelian Jurnal dan Media Elektronik 2009-2013



PEMBUDAYAAN INOVASI DAN KREATIVITI

Tahun 2013 memperlihatkan Perpustakaan UTM
meneruskan dan mempergiatkan lagi agenda Inovasi,
Kreativiti dan Pengurusan Kualiti.



MEREALISASI PEMBENTUKAN PETUNJUK PRESTASI

Di peringkat kebangsaan, Perpustakaan UTM telah menerajui usaha membangunkan Petunjuk Prestasi Perpustakaan Universiti di Malaysia. Ini adalah usaha dengan kerjasama ahli *Special Interest Group on Key Performance Indicators* (SIG KPI) dan ahli Persidangan Perpustakaan-Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN). Melalui usaha ini, para peserta terlibat berusaha membekalkan maklumat tambahan berkenaan dengan petunjuk prestasi utama yang akan dihasilkan. Inisiatif yang disajikan pada perbincangan dan mesyuarat berkala yang diadakan ini bersifat kajian berupa penyelidikan dalaman yang dilakukan melalui kegiatan perbincangan kelompok di kalangan perpustakaan universiti dan GLC di bawah PERPUN.



Sehingga penghujung 2013, kajian ini telah sampai ke peringkat dokumentasi melalui Bengkel Dokumentasi yang telah diadakan pada 12-13 November 2013 bertempat di Bilik Seminar 2, Business Advanced Technology Centre (BATC) UTM Kuala Lumpur. Ini adalah usaha ke arah mewujudkan satu piawai yang seragam dan boleh diaplikasikan kepada semua perpustakaan universiti di Malaysia. Usaha ini penting bagi memastikan petunjuk prestasi yang seragam ini dapat dinilai, dianalisa dan diurus serta disebarluaskan semula bagi memperkayakan ilmu pengetahuan dan medan perkongsian maklumat kepada masyarakat.





KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Perpustakaan UTM telah mengambil langkah menggerakkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dengan penubuhan kumpulan 5K. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2013 bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan KIK kepada warga Perpustakaan. Bagi memastikan kelangsungan KIK di Perpustakaan, Kumpulan 5K ini telah menyertai Konvensyen KIK Peringkat Universiti sempena Hari Bertemu Pelanggan Universiti bertempat di Dewan Sultan Iskandar pada 26 hingga 28 November 2013.

Atas prinsip untuk memastikan agenda Inovasi, Kreativiti dan Pengurusan Kualiti Perpustakaan sentiasa dititikberatkan, Perpustakaan telah membawa persoalan "mempercepatkan proses peminjaman, pemulangan dan penyusunan koleksi tesis" menggunakan 2 cara kaedah penyelesaian iaitu membentuk penanda rak yang boleh diguna semula, memansuhkan penggunaan slip sedia ada dan menyediakan slip kecil untuk sebahagian pengguna yang baharu pertama kali merujuk tesis di perpustakaan.





PRAKTIK STANDARD PEOPLE PRACTICE (SPP)

Harapan pihak pengurusan perpustakaan dalam memberi khidmat terbaik kepada pelanggan tidak akan tercapai sekiranya praktik SPP yang telah lama diamalkan oleh setiap staf di perpustakaan tidak digunakan dalam tugas sehari-hari. Ini juga bagi memastikan staf memberi sepenuh komitmen dalam usaha membudayakan amalan murni seperti yang terkandung dalam Manual SPP di samping persediaan staf untuk berurus dengan pelanggan akan lebih bersistematis dan pelanggan akan merasai diri mereka dihargai dan dihormati.

Pada tahun 2013, Perpustakaan telah menjalankan beberapa siri 'refresher course' kepada semua staf perpustakaan. Bengkel Latihan SPP ini telah diadakan pada 22 Mei 2013, bagi memenuhi pengauditan pelaksanaan SPP sekurang-kurangnya sekali setahun dan praktik SPP dalam tugas sehari-hari staf.



AMALAN 5S DI PERPUSTAKAAN

Seperti mana usaha yang dilaksanakan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan, pelbagai langkah telah diambil bagi memastikan Perpustakaan terus kekal dalam suasana Persekutaran Berkualiti menerusi Amalan 5S.

Amalan 5S digalakkan sebagai langkah untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bersih, teratur, selamat serta membantu meningkatkan kecekapan dan kualiti penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warganya. Tahun 2013 juga menyaksikan perpustakaan telah menetapkan hari

Khamis sebagai Hari 5S di mana semua staf bekerjasama bergotong royong meneruskan aktiviti sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal di stesen kerja dan jabatan masing-masing. Sehingga kini, antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti penanaman pokok hijau, melabel, mengemaskini papan kenyataan zon dan memasang poster.

Usaha berterusan akan diterapkan kepada warga perpustakaan agar hasrat mendapat pensijilan 5S akan tercapai pada tahun mendatang.



PELESTARIAN PEJABAT ATAU *GREEN OFFICE*

Perpustakaan UTM telah menubuhkan Jawatankuasa *Green Office* sejak awal 2013 lagi. Antara objektifnya ialah untuk penerapan amalan hijau di tempat kerja ini ialah untuk mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar disebabkan oleh aktiviti dan amalan sehari-hari di tempat kerja, menerapkan nilai-nilai hijau di kalangan warga Perpustakaan dan menyebar dan memupuk kesedaran mengenai faedah amalan hijau kepada masyarakat.

Bagi memastikan keberkesanan Amalan Hijau dilaksanakan, Perpustakaan akan memberikan komitmen dan sumbangan dalam mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti sehari-hari, berusaha untuk memenuhi kehendak program pembangunan masa kini tanpa menjelaskan keperluan generasi akan datang dan memperjuangkan masa hadapan yang mapan demi kesejahteraan bumi ini. Antara amalan yang telah mula diterapkan ialah inisiatif penjimatkan kertas, menanam pokok dan kitar semula barang-barang terpakai dan sebagainya.



PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh Perpustakaan UTM untuk memberi kesedaran tentang kepentingan dan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan sehingga kesuatu kemalangan, kecederaan atau kematian berlaku. Menyedari tentang kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini maka Perpustakaan UTM telah mengadakan satu taklimat kepada Jawatankuasa OSHA Perpustakaan mengenai ciri-ciri keselamatan dari pihak OSHA UTM pada 16 April 2013. Ini juga disusuli dengan Mesyuarat Panel Audit Keselamatan.

Taklimat ini diharap dapat memberikan kesedaran dan meningkatkan kepekaan warga Perpustakaan dalam aspek keselamatan. Taklimat sebegini akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan aspek keselamatan sentiasa dititikberatkan dan dijadikan amalan dalam kehidupan sehari-hari warga Perpustakaan.

PENJIMATAN TENAGA DI PERPUSTAKAAN

Perpustakaan UTM turut menyokong penerapan nilai-nilai murni amalan berjimat cermat dalam kalangan warga Perpustakaan dan Perpustakaan menyokong Kempen Penjimatkan Tenaga di bangunan perpustakaan seperti mana saranan pihak UTM. Sehubungan dengan itu, semua warga Perpustakaan diseru agar menggunakan tenaga elektrik dengan berhemah dan berjimat cermat. Staf digalak amalkan mematikan suis-suis lampu, penyaman udara, komputer, laptop, printer, mesin faks, mesin fotostat, mesin pemanas air, tv, radio dan lain-lain peralatan elektrik bila sudah tidak digunakan atau tiada pengguna. Perpustakaan juga menetapkan suhu semua bilik dan ruang di UTM kepada 24 darjah celsius untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik.

Pada tahun 2013, Perpustakaan telah menerima lawatan dari juruaudit Tenaga UTM pada 28-29 Januari 2013.



PENGURUSAN DAN PEMERKASAAN MODAL INSAN

Kejayaan Perpustakaan UTM mencapai hampir keseluruhan petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan pada awal tahun banyak dibantu faktor modal insan yang tidak putus-putus menyumbang idea, tenaga dan masa. Perpustakaan berusaha untuk memastikan kualiti modal insan ini terus meningkat ke tahap tertinggi bagi memastikan usaha dan idea semua tetap segar membantu kecemerlangan organisasi. Tidak hanya berpandukan teori atau senarai tugas sahaja malah kegiatan sosial dan luar bidang tugas turut dititikberatkan agar modal insan yang dilahirkan bersifat '*multi-tasking*' dan bersedia menghadapi cabaran pada masa hadapan.



Aset terpenting Perpustakaan UTM ialah sejumlah 208 orang tenaga kerjanya. Dengan demikian tenaga kerjanya dibangunkan secara berterusan menerusi aktiviti peningkatan profesionalisme. Matlamat ini adalah berfokuskan kepada peningkatan kompetensi secara berterusan yang dilaksana secara terancang, tersusun dan berfokus. Ini bagi memastikan keseluruhan staf dapat menjalani pelbagai aktiviti memperkaya pengetahuan, kepakaran, kemahiran, pengalaman dan daya kepimpinan.

Pada tahun 2013, Perpustakaan telah menganjurkan Persidangan Pustakawan Perpustakaan UTM yang telah diadakan selama lima hari bermula 25 hingga 29 November 2013 bertempat di Bilik Seminar 2, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah Johor Bahru. Objektif persidangan ini adalah untuk melihat kepada perancangan tahunan bagi tahun 2014. Di samping itu, Perpustakaan turut mengemaskini perancangan jangka panjang dan jangka pendek, memberi pendedahan serta kefahaman kepada keperluan dan pelaksanaan *Key Amal Indicator* (KAI) UTM, memupuk semangat berpasukan, berkongsi ilmu pengetahuan dan mengeratkan hubungan melalui penglibatan aktiviti yang dijalankan sepanjang persidangan diadakan bagi menyokong wawasan perpustakaan supaya ianya kekal di landasan yang betul.




HUBUNGAN MAJIKAN-STAF MELALUI PERHIMPUNAN PAGI

Perhimpunan pagi bersama Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan) dan Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan) telah berjaya menjadi medan perbincangan antara Pihak Pengurusan Perpustakaan. Perbincangan pagi ini menjurus kepada mencapai kepentingan pembangunan organisasi melalui percambahan idea dan inovasi, pembangunan kerjaya dan latihan, kemudahan dan kebijakan, pengiktirafan dan memantapkan lagi semangat kekitaan di Perpustakaan. Perhimpunan pagi ini secara tidak langsung menjadi medan pertukaran pendapat dan percambahan idea untuk dikongsi bersama seluruh warga Perpustakaan.

LATIHAN DAN KURSUS


Sepanjang 2013, Perpustakaan telah mengendalikan 39 kursus dalaman atau *in-house* yang telah diadakan di dalam Perpustakaan UTM dan kawasan sekitar UTM. Terdapat peningkatan ketara dari segi penganjuran kursus bagi memberi galakan kepada staf untuk meningkatkan kemahiran bagi membantu menjalankan tugas dengan lebih baik.



Rajah 7: Kekerapan Kursus Dalaman Perpustakaan

Kursus Dalaman


Terdapat peningkatan dalam penganjuran kursus dalaman dari 34 kursus pada tahun 2012 kepada 39 kursus pada tahun 2013. Peningkatan ini dilihat sebagai satu langkah penjimatan selain dapat melibatkan semua pihak.



Rajah 8: Statistik Program Latihan dalaman Perpustakaan UTM

Kursus di Luar UTM


Di samping kursus yang dianjurkan secara dalaman, Perpustakaan juga menghantar staf untuk mengikuti kursus di luar UTM sama ada di sekitar Johor atau di lain-lain tempat di Malaysia. Penghantaran staf ke kursus luar adalah kerana keperluan staf untuk mengikuti kursus tersebut di samping bilangan peserta yang tidak ramai dan hanya bertumpu pada kemahiran khusus yang perlu didalaminya. Melalui penglibatan mereka dalam kursus luar ini juga akan merapatkan jalinan komunikasi antara Pustakawan lain kerana kebanyakan mereka sering bertemu dalam kursus yang dianjurkan oleh Universiti atau syarikat korporat yang lain untuk bertukar pendapat.



Rajah 9: Kursus Anjuran Luar

PROGRAM LATIHAN STAF MELEBIHI 40 JAM SETAHUN

Perpustakaan juga telah menetapkan sasaran objektif kualiti bagi latihan staf di mana 70% dari jumlah staf perlu mengikuti program latihan lebih dari 40 jam setahun. Mengikut statistik 2013, jumlah staf menyertai program latihan dilihat sedikit menurun namun masih di tahap memuaskan. Bagi tahun 2013, seramai 65 orang staf pelaksana atau sokongan telah mengikuti kursus berbanding seramai 73 orang pada tahun 2012. Manakala staf pengurusan atau profesional adalah seramai 46 orang pada tahun 2013 berbanding hanya 38 orang sahaja pada tahun 2012.



Rajah 10: Program Latihan Staf Melebihi 40 Jam Setahun


STAF CUTI BELAJAR

Sepanjang tahun 2013, Bahagian Pembangunan Modal Insan UTM telah meluluskan seorang staf Perpustakaan UTM iaitu Puan Siti Nisrin Binti Mohd Anis untuk bercuti belajar dan menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di UTM selama 3 tahun mulai 28 Ogos 2013 hingga 27 Ogos 2016.



PERJAWATAN

Rajah 11: Perangkaan Staf
Perpustakaan bagi Tahun 2013



Rajah menunjukkan perangkaan staf Perpustakaan UTM di Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Jumlah staf keseluruhan adalah seramai 208 orang setakat 31 Disember 2013. Jumlah ini juga termasuk staf kontrak lantikan UTM, staf kontrak lantikan tabung dan kenaikan pangkat secara 'Khas Untuk Penyandang' (KUP) bagi staf sokongan yang telah berkhidmat lebih 15 tahun dan telah memenuhi syarat yang ditetapkan.

LANTIKAN BARU STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Bagi tahun 2013, seramai 4 orang Pustakawan baru dilantik secara kontrak selama dua tahun iaitu 3 orang di Perpustakaan UTM Johor Bahru dan seorang di Perpustakaan UTM Kuala Lumpur.

Bil	Nama	Jawatan / Gred
1	Norashikin Binti Johari	
2	Mohamad Fahiezan Bin Md Zan	Pustakawan
3	Norhafisah Binti Zakaria	/ S41
4	Sharifah Radhiah Binti Syed Azman	

Jadual 3: Lantikan Baru Staf Pengurusan dan Profesional

LANTIKAN BARU STAF PELAKSANA

Bagi kumpulan pelaksana yang mendominasi jumlah keseluruhan staf Perpustakaan UTM, terdapat 10 pertambahan jawatan Pembantu Perpustakaan (kontrak) bagi mengisi kekosongan staf yang dilantik ke jawatan tetap dan juga bagi ditempatkan di bangunan baru Perpustakaan UTM iaitu di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah.

Bil	Nama	Jawatan / Gred
1	Akmal Alif Bin Amran	
2	Mohamad Admin Bin Sadali	
3	Noor Afiqah Binti Abdul Rahman	
4	Siti Liyana Binti Abdul Rahman	
5	Mohd. Ariff Yasmin B. Nga Timin	Pembantu
6	Ahmad Nurul Fahmi Bin Mohammad Zajuli	Perpustakaan
7	Farhan Bin Yuskelana	/ S17
8	Rozita Binti Mansor	
9	Yanti Binti Mohd Shah	
10	Siti Nuraila Binti Ahmad Nazri	

Jadual 4: Lantikan Baru Staf Pelaksana

LANTIKAN BARU TETAP STAF PELAKSANA 2013

Bil	Nama	Jawatan / Gred
1	Zaihasrim Mohd Dawal	Pembantu Perpustakaan / S17
2	Nurul Shafika Hassan	

PENAMATAN STAF 2013

Bil	Nama	Berhenti / Bersara / Meninggal Dunia	Tarikh Bersara
1	Laifah Ibrahim	Bersara Wajib	12 Ogos 2013
2	Mohamed Nordin Mohamad Nor	Bersara Pilihan	30 September 2013

Rajah 12: Indeks Kepuasan Staf 2013



INDEKS KEPUASAN STAF

Indeks Kepuasan Staf bagi tahun 2013 didapati mengalami penurunan melalui Kajian Kepuasan Staf 2013 iaitu sebanyak 82.42% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 85%. Namun, secara keseluruhannya, staf berpuas hati dengan penyeliaan, pengiktirafan, kemudahan, keselamatan dan fasiliti serta persekitaran kerja yang selesa di perpustakaan. Kajian Kepuasan Staf ini dijalankan setiap tahun kepada seluruh warga perpustakaan menggunakan kaedah soal selidik dalam talian.

Akhirnya, penemuan kajian ini amat berguna dalam membantu pihak pengurusan merancang dan melaksanakan program yang bersesuaian di masa hadapan.

Objektif pelaksanaan kajian adalah untuk:

- 1 Menilai kepuasan warga kerja perpustakaan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan yang meliputi semua bahagian
- 2 Menilai berkenaan iklim organisasi,kepuasan kerja,kemudahan, infrastruktur; dan
- 3 Mendapatkan pandangan staf terhadap Perpustakaan UTM secara keseluruhan dan cadangan penambahbaikan

PENGIFTIRAFAN MENERUSI ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2013

Bil	Nama	Jawatan / Gred
1	En. Abas bin Rahmat	Penolong Pegawai Perpustakaan / S27
2	En. Abdul Aziz bin Kamal	Pembantu Perpustakaan Kanan / S22
3	Pn. Haslina binti Hussin	Pustakawan Kanan / S44
4	Pn. Junainah binti Jukee	Pembantu Setiausaha Pejabat Kanan
5	En. Kamarulzaman bin Nik	Pembantu Perpustakaan Kanan / S22
6	En. Mohd Amir bin Abu	Pembantu Perpustakaan Kanan / S22
7	En. Mohd Azmi bin Hj Jufri	Pembantu Perpustakaan / S17
8	En. Mohd Kamil bin Abdullah	Pembantu Perpustakaan Kanan / S22
9	En. Nor Iman bin Ibrahim	Pembantu Perpustakaan / S17
10	Pn. Nor Shaliza binti Mohd Basarudin	Pembantu Perpustakaan / S17
11	Pn. Norazila binti Safri	Pustakawan / S41
12	Pn. Rohana binti Abd Rahim	Pembantu Perpustakaan Kanan / S22
13	Pn. Sulieh binti Sahlan	Pembantu Pemuliharaan / S17
14	Pn. Syahranah binti Ahmad Raqi	Pustakawan / S41
15	Pn. Zubaidah binti Mohamed	Pembantu Tadbir (P/O)

Jadual 5: Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013

Universiti Teknologi Malaysia meneruskan tradisi tahunan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warganya yang telah menunjukkan prestasi dan sahsiah yang cemerlang sepanjang tahun 2013 melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dalam Majlis Penganugerahan APC pada Majlis Citra Karisma yang telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar pada 4 Julai 2013. Penganugerahan tersebut berlangsung dalam satu majlis yang disambut meriah kerana turut meraikan warga Perpustakaan UTM.

Seramai 15 orang staf perpustakaan telah dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi pencapaian prestasi sepanjang 2012. Penerima anugerah menerima sijil dan wang tunai RM1,000.00 sebagai menghargai pencapaian cemerlang mereka dalam membangunkan organisasi. Namun tiada penerima untuk Anugerah Jasa Setia dan Anugerah Jasa Bakti untuk tahun 2013 daripada Perpustakaan UTM.

KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN ATASAN UTM



41

LAPORAN TAHUNAN 2013



Perpustakaan UTM berbesar hati dengan kunjungan Naib Canselor UTM, Prof. Ir. Dr. Wahid Omar pada 31 Disember 2013. Rombongan turut disertai pegawai-pegawai dari pejabat Canselor UTM.

Kunjungan ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama antara pengurusan atasan UTM dengan Perpustakaan khususnya dalam usaha meningkatkan komunikasi dua hala.

Kunjungan hormat ini telah diberi taklimat dan maklumat mengenai perkembangan Perpustakaan UTM dan Naib Canselor telah dibawa melawat di sekitar Perpustakaan. Di akhir lawatan, Naib Canselor berbesar hati menandatangani buku pelawat di Bilik Rujukan Eksekutif Perpustakaan dan menerima cenderahati pokok hiasan dari pihak perpustakaan.

AKTIVITI SUKAN, KEBAJIKAN DAN SOSIAL DI PERPUSTAKAAN

Pembentukan modal insan yang berkualiti berpaksikan kepada prinsip moral, etika dan kecemerlangan diri sentiasa menjadi fokus utama Perpustakaan dalam memastikan kejayaan agenda transformasi Universiti. Selaras dengan hasrat ini, Perpustakaan telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi menyediakan modal insan yang inovatif, kreatif dan berdaya saing berbekalkan ilmu pengetahuan serta keteguhan peribadi.



42

LAPORAN TAHUNAN 2013



Sukan

Pelbagai aktiviti sukan yang telah disertai oleh staf perpustakaan UTM bagi mengimarahkan lagi jalinan silaturrahim antara staf melalui acara sukan. Bagi tahun 2013, beberapa staf perpustakaan telah menunjukkan kecemerlangan di dalam UTM Staff Games 2013. Antara sukan yang telah dimenangi ialah futsal wanita (gangsa); *lawn bowl* (gangsa); lumba lari memenangi gangsa dan perak; catur lelaki dan wanita memenangi pingat perak.



Kebajikan dan Sosial

Kelab Keluarga Staf Perpustakaan Sultanah Zanariah (KKPSZ) meneruskan lagi legasi penganjuran pelbagai program sama ada berbentuk ilmiah maupun sosial bagi memenuhi keperluan rohani dan sosial ahlinya. Dengan matlamat merapatkan ukhuwah sesama ahli melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan, ia dilihat telah mencapai sasarannya apabila kehadiran bagi setiap program begitu memberangsangkan.

Sepanjang tahun 2013, pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti Majlis Jalinan Mesra Aidilfitri yang telah diadakan pada 24 Ogos 2013 bersamaan 17 Syawal 1434H. Bertempat di Dewan Jamuan Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru, majlis ini telah mendapat sambutan yang begitu meriah daripada ahli yang hadir dan kaum keluarga masing-masing.

Selain itu pada 9-10 November 2013, telah berlangsung aktiviti Hari Keluarga yang berjaya menghimpukan seramai 53 buah keluarga merangkumi pelbagai peringkat umur. Memilih Bayou Lagoon Park Resort Melaka sebagai lokasi

program, aktiviti 2 hari 1 malam ini bukan sahaja memberi peluang dan membuka ruang santai untuk peserta saling beramah mesra bahkan turut dimeriahkan dengan pelbagai ragam dan aksi lucu yang mencuit hati melalui acara pentas dan juga sukaneka.

Melengkapkan lagi kalendar aktiviti tahunan, beberapa siri ceramah turut diadakan dengan menjemput ilmuwan agama untuk tampil merungkai pelbagai persoalan membabitkan isu akidah dan juga ibadah. Liga ilmu ini dirancakkan lagi dengan program mengaji Al Quran di bawah bimbingan ustaz dari Pusat Islam UTM yang dijalankan sekali seminggu untuk sepanjang tahun. Program yang dipertanggungjawabkan kepada KKPSZ ini bukan sahaja membantu staf perpustakaan meningkatkan tahap penguasaan ilmu tajwid malahan menjadi platform soaljawab dalam memahami tafsiran di sebalik ayat yang dibaca.

Semoga program seterusnya akan tetap membawa kejayaan dan mendapat sokongan padu daripada semua ahli demi manfaat semua pihak.





Majlis Doa Selamat dan Gotong Royong Perpustakaan Raja Zarith Sofiah


Pada 21 Mac 2013, Perpustakaan telah mengadakan majlis doa selamat dan gotong royong bertempat di perkarangan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) dan telah dihadiri oleh Ketua Pustakawan, ketua-ketua jabatan dan staf Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru. Majlis dimulakan pada jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dengan bacaan yasin yang dipimpin oleh Ustaz Ellyeen Amineen Mohd Salleh dari Pusat Islam UTM. Ia diikuti dengan program gotong-royong bagi membersihkan persekitaran PRZS sempena pembukaan PRZS sebagai bangunan baru perpustakaan UTM.



Program Budaya Al-Quran

Setiap hari Khamis, semua staf perpustakaan UTM Johor Bahru akan berkumpul di Bilik Tayangan Perpustakaan bagi mengikuti Program Budaya Al-Quran yang disampaikan oleh Ustaz Ellyeen Amineen Mohd Salleh dari Pusat Islam UTM. Program adalah anjuran Kelab Keluarga Staf Perpustakaan Sultanah Zanariah (KKSPZ). Program bermula jam 9.00 pagi dimulakan dengan membaca doa, membaca Al-Quran dan tajwid serta sedikit kupasan tafsir tentang ayat Al-Quran yang dibaca. Dengan majlis ilmu sebegini menjadi wadah bermanfaat kepada seluruh warga perpustakaan membudayakan Al-Quran dalam kehidupan seharian.





INISIATIF FOKUS PELANGGAN

Perpustakaan sebagai sebuah institusi sosial mempunyai peranan yang besar bagi menyokong proses pembelajaran dan pendidikan dalam keadaan yang kondusif dan mesra pengguna. Inisiatif fokus pelanggan semakin dituntut dalam e-masyarakat yang bergantung kepada penggunaan teknologi dalam urusan sehari-hari supaya dapat memberi perkhidmatan yang mesra pelanggan, cepat dan mudah.



OPERASI BANGUNAN BAHARU PERPUSTAKAAN RAJA ZARTH SOFIAH

Bangunan baharu Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) telah siap pada Mac 2013. Penubuhan bangunan baharu perpustakaan ini bertujuan untuk menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah serta menyediakan suasana pembelajaran yang lebih baik dan selesa kepada semua pihak.

Perpustakaan ini dilengkapi dengan kemudahan terbaharu yang penting untuk pengajian, penyelidikan dan pembelajaran yang lebih kondusif.

Sepanjang Mac 2013, projek memindahkan tesis dari Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru ke PRZS telah dijalankan dengan melibatkan aktiviti memunggah, mengikat dan menyusun. Tesis Sarjana Muda bagi tahun 2003 dan tahun kbelumnya telah dipindahkan ke PRZS. Terkini koleksi tesis yang masih ada di Bilik Tesis adalah bagi tesis sarjana muda bagi tahun 2004 hingga kini dan tesis sarjana dan PHD.

PERPUSTAKAAN MJIIT

Perpustakaan *Malaysian-Japan International Institute of Technology* (MJIIT) telah dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada 10 Jun 2013. Perpustakaan ini mempunyai koleksi sebanyak 300 naskhah buku dan bahan-bahan audio visual. Kebanyakan bahan rujukan yang terdapat di sini disumbangkan oleh Dewan Perdagangan dan Industri Jepun Malaysia (JACTIM). Selain itu, kakitangan MJIIT turut menyumbang bahan-bahan yang berkaitan bagi pembangunan koleksi dan bilangan koleksi secara beransur-ansur berkembang.

Perpustakaan MJIIT dianggap unik kerana kebanyakan bahan-bahannya adalah berkaitan dengan teknologi Jepun, pengurusan dan budaya. Banyak koleksi bahan-bahan dalam bahasa Jepun yang dapat dimanfaatkan oleh pelajar MJIIT


yang mempunyai kewajipan mempelajari bahasa Jepun untuk persediaan mereka sebelum menyambung pelajaran di Jepun.

Dalam usaha untuk mewujudkan suasana Jepun di perpustakaan, Sudut Bahasa Jepun telah ditubuhkan untuk menarik lebih ramai pengguna. Idea sudut ini adalah ilham dari Timbalan Dekan Akademik MJIIT, Prof. Dr Sabariah binti Baharun. Sudut ini menyediakan suasana yang selesa di mana pelajar dan pensyarah boleh belajar dan membaca buku-buku Jepun dengan selesa. Konsep sudut ini adalah dengan mengambil ruang tamu umum Jepun, dengan meja Jepun, tikar buluh dan kusyen untuk tempat duduk. Lain-lain barang Jepun juga digunakan untuk hiasan termasuk seni kertas Jepun origami, pokok-pokok buluh dan tanglung.



PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN


Berdasarkan Rajah 13, jumlah pengunjung maya perpustakaan meningkat pada tahun 2013 kepada seramai 1,837,842 orang berbanding seramai 1,051,977 pada tahun 2012. Sementara itu, pengunjung fizikal ke perpustakaan sepanjang tahun 2013 menurun kepada seramai 1,336,507 orang berbanding 1,406,868 orang pada tahun 2012.



Rajah 13: Pengunjung Perpustakaan Bagi Tahun 2013

PINJAMAN DAN PENGGUNAAN BAHAN

Berdasarkan Rajah 14, jumlah pinjaman bahan perpustakaan bagi tahun 2013 ialah sebanyak 251,716 pinjaman dan penggunaan bahan berbanding sebanyak 259,206 pinjaman dan penggunaan dalam tahun 2012. Penurunan pinjaman dan penggunaan bahan ini mungkin disebabkan penggunaan perkhidmatan secara atas talian yang semakin meningkat.




Rajah 14: Pinjaman dan Penggunaan Bahan Bagi Tahun 2013



PINJAMAN DAN PENGGUNAAN BAHAN MENGIKUT KATEGORI AHLI

Rajah menunjukkan jumlah pinjaman dan penggunaan bahan perpustakaan mengikut kategori ahli. Bagi tahun 2013, jumlah pinjaman dan penggunaan bahan dilihat agak sekata berbanding dengan tahun 2012. Pinjaman dan penggunaan bahan mengikut kategori ahli menunjukkan pelajar ijazah dan diploma adalah kategori yang paling banyak meminjam diikuti oleh kategori yang lain.




Rajah 15:
Pinjaman dan Penggunaan
Bahan Mengikut Kategori Ahli

PERKHIDMATAN INTERLIBRARY LOAN (ILL)

Interlibrary Loan (ILL) atau Pinjaman Antara Perpustakaan merupakan perkhidmatan untuk mendapatkan bahan yang tidak dilanggan atau tiada di Perpustakaan UTM sebaliknya bahan tersebut diperolehi dari Perpustakaan lain.

Rajah menunjukkan jumlah *interlibrary loan* bagi tahun 2013. Secara keseluruhannya, kategori pelajar peringkat pasca ijazah yang paling banyak membuat permohonan ILL iaitu 86%, diikuti staf akademik 9%, staf 3% dan pelajar sarjana muda 2%.

Rajah 16:
Perangkaan ILL Bagi Tahun 2013



PERKHIDMATAN RUNDING RUJUK

Perkhidmatan Runding Rujuk bagi tahun 2013 menunjukkan beberapa peningkatan kepada perkhidmatan utama yang dilaksanakan oleh perpustakaan. Kategori pertanyaan rujukan yang diterima secara terperinci sepanjang tahun 2013 adalah seperti mana di Jadual .

Bi	Perkhidmatan	2012	2013
1	Pertanyaan Rujukan	6674	5725
2	Pinjaman Bahan Rujukan (Dalam Perpustakaan)	29	14
3	Permohonan Rujukan Pengguna ke Perpustakaan Luar	26	13
4	Permohonan Rujukan (Melalui Borang)	802	712
5	Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan (Borang PSZ 27.1)	19	16
6	Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan Melalui Emel bagi Kategori Aduan, Penghargaan dan Cadangan	10	15
7	Pertanyaan Rujukan Emel (Elektronik) Bagi Kategori Umum	871	826

Jadual 6: Perkhidmatan Runding Rujuk


MAKLUMBALAS PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN MELALUI EMEL

Sebanyak 826 pertanyaan rujukan elektronik melalui emel diterima bagi tahun 2013 berbanding 871 pertanyaan bagi tahun 2012. Kebanyakan pertanyaan rujukan yang diterima adalah berkisar perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh Perpustakaan UTM.



RUJUKAN KE PERPUSTAKAAN UTM

Perpustakaan UTM menerima 433 permohonan luar untuk membuat rujukan ke Perpustakaan UTM bagi tahun 2013 berbanding sebanyak 132 permohonan bagi tahun 2012 sebagaimana Rajah 17.



LAWATAN AKADEMIK

Bagi tahun 2013, Perpustakaan UTM telah menerima sebanyak 47 lawatan akademik daripada individu, institusi pengajian tinggi, organisasi serta sekolah dari dalam dan luar negeri berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 51 lawatan, iaitu penurunan sebanyak 8% dari tahun sebelumnya. Jumlah pelawat bagi tahun 2013 melibatkan seramai 2246 orang berbanding seramai 2464 orang pada tahun sebelumnya yang menunjukkan penurunan sebanyak 9%.

Antara faktor yang membawa pelawat ke Perpustakaan UTM ialah bagi tujuan penandaarasan atau '*benchmarking*', audit, akreditasi serta promosi yang dilakukan khususnya oleh Unit Pemasaran Universiti untuk menarik minat pelajar sekolah tempatan dan luar negeri menyertai UTM.

■ Jumlah Lawatan 2012
■ Jumlah Lawatan 2013




PEMBANGUNAN KOLEKSI DAN PROMOSI READING STATION UTM (UTMRS)



Bilangan UTMRS

UTMRS mula diwujudkan pada tahun 2009 dengan jumlah 49 Reading Station ditempatkan di dalam kampus UTM. Pada 2013, bilangan UTMRS seterusnya berkembang ke luar UTM seperti sekolah, rumah anakyatim, masjid dan di luar negara. Bilangan koleksi bertambah setiap tahun seiring pertambahan lokasi UTMRS. Pada tahun 2013, terdapat penambahan dalam jumlah UTMRS iaitu kenaikan sebanyak 20% iaitu melibatkan sebanyak 88 UTMRS jika dibandingkan hanya 74 UTMRS pada tahun 2012. Ini kerana penubuhan UTMRS pada tahun 2013 mendapat kerjasama dari pelbagai pihak iaitu Alumni UTM, *Alumni International Business School Kuala Lumpur*, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Selatan (PPMKS) dan kumpulan *Global Outreach Programme* ke Jepun anjuran Kolej Tun Razak.

Rajah 19:
Jumlah UTMRS Mengikut Tahun



BIL	READING STATION	CATATAN
1	Sekolah Pengajian Siswazah	Kampus UTMJB
2	Ibnu Sina	Kampus UTMJB
3	Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST)	Kampus UTMJB
4	Sekolah Kebangsaan Taman Universiti 3	Johor Bahru
5	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Alam, Pasir Gudang	Projek bersama Perpustakaan UTM, Alumni, HEP
6	Sekolah Kebangsaan Masai, Pasir Gudang	Projek bersama Perpustakaan UTM, Alumni, HEP
7	Sekolah Menengah Bukit Pasir, Muar	Projek bersama Perpustakaan UTM, Alumni, HEP
8	Masjid Jamek Kg. Simpang Baba, Muar	Projek bersama Perpustakaan UTM, Alumni, HEP
9	Sekolah Kebangsaan Ayer Manis, Kulai	Projek Bersama Perpustakaan UTM dan PPMKS
10	Sekolah Menengah Kebangsaan Linggiu, Kota Tinggi	Kota Tinggi, Johor
11	Fussa Rehabilitation Centre, Tokyo, Japan	Projek bersama Perpustakaan UTM dan GOP, Japan (Kolej Tun Razak)
12	Masjid Kobe, Tokyo, Japan	Dibatalkan disebabkan masalah ruang
13	Menara Razak	Kampus KL, diurus oleh Perpustakaan UTM KL
14	Hospital Serdang	Projek bersama Perpustakaan UTM KL dan Alumni IBS
15	SPACE UTM	Kampus KL, diurus oleh Perpustakaan UTM KL

Jadual 7: Lokasi UTMRS




Koleksi UTMRS

Pada tahun 2013, jumlah keseluruhan koleksi UTMRS ialah 33,389 naskhah iaitu penambahan sebanyak 16% dibandingkan sebanyak 28,871 naskhah pada tahun 2012. Koleksi luar UTMRS mencatatkan kenaikan berjumlah 414% iaitu 1,585 naskhah tahun 2013 jika dibanding hanya 513 naskhah pada tahun 2012. Walau bagaimana pun terdapat penurunan sebanyak 37% bahan pada tahun 2013 iaitu 1,585 naskhah berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 2,529 naskhah di UTMRS Johor Bahru.



Rajah 20: Jumlah Koleksi UTMRS





PRASARANA DAN INFRASTRUKTUR PERPUSTAKAAN




Penggantian Karpet

Kemudahan untuk pengguna wajar diberi perhatian serius dan harus menjadi keutamaan sepanjang keberadaan mereka di dalam perpustakaan. Kemudahan perpustakaan yang sedia ada ditambahbaik bukan saja dari segi kelancaran sistem tetapi juga suasana dalaman turut memberi impak kepada imej perpustakaan. Elemen seperti pencahayaan, bau, bunyi dan suhu secara tidak langsung sangat mempengaruhi keselesaan pengguna sehingga ia memberi kesan kepada penumpuan dalam aktiviti mereka. Prihatin dengan pencemaran bau daripada karpet yang sudah agak lama di ruang interaktif, aras 3 yang menempatkan kemudahan Internet, katalog perpustakaan (OPAC), zon laptop dan sebagainya, Perpustakaan telah menggantikan karpet lama kepada baharu yang dilihat sebagai tindakan yang wajar dan tepat pada waktunya. Keseluruhan ruang karpet tersebut telah berubah wajah dengan karpet baru, lebih selesa serta warna yang lebih ceria dan segar. Sepanjang proses penggantian karpet dilaksanakan, ruang tersebut telah ditutup kepada pengguna bermula 19 November hingga 8 Disember 2013.



Kemudahan Ruang

Menyedari penggunaan Bilik Karel dan Bilik Perbincangan semakin meningkat pada setiap tahun oleh para pengguna, maka pada tahun 2013, penyediaan tambahan 1 unit *UTP cable* di dalam Bilik Perbincangan ditambah menjadikannya dua unit *access point* bagi setiap bilik berkenaan. Perpustakaan berharap kemudahan ruang yang disediakan ini dapat membantu proses pembelajaran dan memberi manfaat kepada semua pengguna perpustakaan.



SOKONGAN PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN PENGGUNA

Perpustakaan UTM menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UTM melalui penyediaan, promosi dan perkhidmatan maklumat berkaitan. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan adalah untuk memastikan maklumat yang diperlukan dapat dan mudah diakses oleh pengguna. Perpustakaan juga memberi penekanan kepada pendidikan pengguna dan memberi khidmat nasihat dalam mendapat maklumat dan bahan yang dikehendaki di samping mempelbagaikan aktiviti dan fasiliti sedia ada untuk memenuhi keperluan semasa universiti.

PENGURUSAN PENERBITAN PENYELIDIKAN


Pada tahun 2013, bilangan penerbitan UTM di dalam *Impact Factor Journal* meningkat kepada 2569 judul berbanding 2249 judul pada tahun 2012. Penerbitan UTM di dalam lain-lain jurnal yang tidak terindeks juga meningkat dari 720 judul pada tahun 2012 kepada 771 judul pada tahun 2013. Penerbitan bab dalam buku UTM bagi tahun 2013 ialah sebanyak 144 judul berbanding 124 judul pada tahun sebelumnya. Manakala bagi lain-lain penerbitan umum, sebanyak 2369 judul telah diterbitkan pada tahun 2013 berbanding 1306 judul pada tahun 2012.

Selain itu, bagi bilangan Faktor Impak Kumulatif atau *Cumulative Impact Factor*, sebanyak 1759.449 faktor impak telah berjaya dihasilkan oleh UTM dalam tahun 2013 berbanding hanya 1547.443 pada tahun 2012. Indeks Sitasi Kumulatif atau *Cumulative Citation of Publication UTM* pada tahun 2013 juga amat memberangsangkan dengan pencapaian sebanyak 10008 sitasi berbanding hanya 7211 sitasi pada tahun 2012.

Peningkatan penerbitan UTM ini jelas menunjukkan tahap kesedaran komuniti Universiti tentang peri pentingnya menerbitkan hasil penyelidikan khususnya dalam jurnal berwacan dan berimpak tinggi antarabangsa supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan generasi akan datang serta menyumbang ke arah kemakmuran dan kemajuan ekonomi negara.

Rajah 21:


Perbandingan Penerbitan UTM Bagi Tahun 2012-2013



AKSES PANGKALAN DATA DAN PENDIDIKAN PENGGUNA



Pada tahun 2013, sebanyak 8,477,989 akses kepada pengkalan data perpustakaan (*download, view, search*) dicatatkan berbanding 9,752,399 pada tahun sebelumnya. Peratus penurunan adalah sebanyak 13.1%. Punca penurunan akses pengkalan data ini disebabkan oleh proses pengemaskinian judul agar statistik yang dikumpul lebih menyeluruh dan tepat.




Rajah 22:
Akses Pangkalan Data dan Pendidikan Pengguna

KEMAHIRAN MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 83 Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat telah dikendalikan, berbanding 166 kelas pada tahun 2012. Jumlah pelajar yang mengikuti kelas pula adalah seramai 1865 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda berbanding tahun sebelumnya seramai 3552 orang. Terdapat penurunan dalam jumlah kelas iaitu 50%, begitu juga dengan jumlah pelajar iaitu 47%. Perincian perangkaan adalah seperti Rajah 23.



Rajah 23: Perbandingan Jumlah Kelas & Jumlah Pelajar Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat 2012 & 2013



Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas

Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas iaitu ULAB 1112: *English for Academic Communication* telah diadakan dengan kerjasama pihak Akademi Bahasa. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 35 kelas telah dikendalikan berbanding 90 kelas pada tahun 2012. Jumlah pelajar yang menghadiri kelas adalah seramai 962 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda berbanding tahun sebelumnya seramai 2356 orang pelajar. Terdapat penurunan dalam jumlah kelas iaitu 61%, begitu juga dengan jumlah pelajar iaitu sebanyak 59%. Penurunan ini adalah disebabkan tiada lagi slot Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas dalam sesi pembelajaran bermula pada Semester I, 2013/2014 serta penurunan jumlah pengambilan pelajar Ijazah Sarjana Muda oleh UTM.

Rajah 24: Perbandingan Jumlah Kelas & Jumlah Pelajar Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas 2012 & 2013




Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan

Rajah 25: Perbandingan Jumlah Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan Mengikut Fakulti 2012 & 2013

Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang akan memulakan Projek Sarjana Muda. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 45 kelas telah dikendalikan berbanding 75 kelas pada tahun 2012. Jumlah pelajar yang menyertai kelas adalah seramai 849 orang pelajar berbanding 1156 orang pada tahun sebelumnya. Terdapat penurunan dalam jumlah kelas iaitu 38%, begitu juga dengan jumlah pelajar iaitu sebanyak 26%. Lebih promosi perlu dilaksanakan pada

tahun 2013 kepada pihak akademik dan Fakulti bagi memastikan pelajar-pelajar mengikuti Kelas Kemahiran Lanjutan untuk memperlengkapkan mereka dengan kaedah dan kemahiran mencari maklumat dan sebagai salah satu proses pembelajaran sepanjang hayat. Antara Fakulti yang aktif menghantar pelajar bagi mengikuti kelas yang dijalankan adalah dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Fakulti Pengurusan.



Rajah 26: Perbandingan Jumlah Kelas & Jumlah Pelajar UKQD 1211: Kemahiran Pencarian Maklumat 2012 & 2013

- Jumlah Kelas 2012
- Jumlah Kelas 2013
- Jumlah Pelajar 2012
- Jumlah Pelajar 2013



UKQD 1211 : Kemahiran Pencarian Maklumat



UKQD 1211: Kemahiran Pencarian Maklumat


Kelas ini diadakan dengan kerjasama Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum UTM yang melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda. Jumlah kelas bagi tahun 2013 adalah 3 kelas iaitu sama dengan tahun sebelumnya. Manakala jumlah pelajar yang menghadiri kelas naik sebanyak 35% kepada 54 orang pelajar berbanding tahun 2012 iaitu seramai 40 orang pelajar.

TAKLIMAT, LATIHAN DAN DEMO PANGKALAN DATA

Bagi tahun 2013, promosi melalui taklimat, 'road show' dan 'Sesi bersama Fakulti', hebahan melalui 'mailing list' fakulti, hebahan melalui Perantara Fakulti dan staf Perpustakaan Fakulti serta semua sumber penerbitan Perpustakaan dijalankan dengan lebih giat untuk menarik lebih ramai warga kampus menggunakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan secara aktif.

	Demo Vendor Pangkalan Data	Sesi bertemu pelanggan fakulti	Bengkel Pangkalan Data	ULP 0010 & SLAB	Endnote	Jumlah
Bilangan Bengkel	5	1	11	25	20	62
Penyertaan	108	31	209	778	297	1423

Jadual 8: Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar



Rajah 27: Perbandingan Bilangan Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar tahun 2006-2013



PERPUSTAKAAN FAKULTI

Perpustakaan Fakulti	Tahun	
	2012	2013
FAB	959	1,784
FKA	1,121	727
FKM	1,056	1,050
FKE	2,613	708
FFK	719	1,081
FGHT	1,332	2,727
FP	1,067	1,310
FS (K&F)	3,407	6,439
FPPSM	491	1,087
FSKSM	1,568	1,022
SPS	892	1,316
FS (M)	540	523
JUMLAH	15,765	19,774

Jadual 9: Koleksi Perpustakaan Fakulti

Koleksi

Perpustakaan Fakulti memainkan peranan amat penting dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta kepuasan kepada pelanggan perpustakaan. Sepanjang tahun 2013, kesemua Perpustakaan Fakulti secara aktif menambah bilangan koleksi perpustakaan untuk menampung keperluan pengajaran, penyelidikan dan pembelajaran di UTM. Pada tahun 2013, sebanyak 19,774 naskhah bahan diterima untuk koleksi Perpustakaan Fakulti iaitu peningkatan sebanyak 25.4% berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 15,765 naskhah. Tesis pelajar Sarjana Muda merupakan bahan paling banyak diterima iaitu 7,185 naskhah, diikuti cakera padat sebanyak 3,780 naskhah dan tesis Sarjana sebanyak 2,285 naskhah.



Perpindahan Perpustakaan Fakulti ke Lokasi Baru

Perpustakaan Fakulti Pengurusan telah berpindah dari bangunan fakulti lama ke bangunan fakulti baru yang terletak di Blok T08, Aras 1. Proses perpindahan bermula pada 27 Mei 2013 yang telah diuruskan oleh pihak Fakulti Pengurusan.

Manakala pada 11-13 November 2013, seramai 20 orang staf terlibat dalam membantu proses perpindahan Perpustakaan Fakulti Alam Bina dari Aras 4 Blok B05 ke Aras 1, Blok 02. Aktiviti yang terlibat adalah mengikat buku dan tesis, mengangkat rak, perabot dan menyusun semula bahan. Perpustakaan baru ini dilengkapi dengan 10 meja, 40 kerusi serta komputer serta jalur lebar (Wifi) untuk kemudahan pengguna.





PEMUPUKAN BUDAYA ILMU

Bagi memperkasa budaya cintakan ilmu di kalangan warga kampus, beberapa aktiviti yang berkaitan pemupukan budaya keilmuan telah dianjurkan sepanjang tahun 2013 sebagai medan perkongsian maklumat, pengalaman dan suntikan motivasi oleh panel-panel terpilih dalam pelbagai bidang.



PROGRAM KEILMUAN

Program keilmuan sepanjang tahun 2013 menyaksikan kehadiran purata peserta di antara 100 hingga 200 orang setiap kali penganjuran. Walaupun nisbah kehadiran peserta yang hadir jauh lebih rendah berbanding jumlah sebenar komuniti kampus, namun sambutan dianggap menggalakkan memandangkan penganjurannya dilaksanakan pada waktu bekerja. Mendapatkan peserta masih merupakan satu cabaran besar dalam perlaksanaan program Budaya Ilmu di UTM. Walau bagaimanapun terdapat beberapa program tidak dapat dilaksanakan selaras dengan perancangan memandangkan terdapat kekangan dari aspek komitmen dari pihak yang perlu bekerjasama.





Tarikh	Topik / Tajuk	Panel / Penceramah
27 Februari 2013	Islam dan Pluralisme Agama	Penceramah Prof. Madya Dr Khalif Muammar A. Haris CASIS UTMKL
18 April 2013	Campus Sustainability: Empowering New Culture	Pengerusi Prof. Ir. Dr. Wahid Omar <i>(Timb. Naib Canselor Pembangunan)</i> Ahli Panel Prof. Dr. Zainuddin Abdul Manan <i>(Dekan Fak. Kejuruteraan Kimia)</i> Dr. Irina Safitri Zen <i>(Ketua Unit Pelestarian Kampus)</i>
5 Jun 2013	Fraud in Organization	Penceramah Yg. Bhg. Dato' Akhbar bin Hj. Satar <i>(Presiden Persatuan Fraud Bertauliah Malaysia)</i>
31 Julai 2013	Happiness – Part of UTM DNA	Penceramah Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim <i>(Pemangku Naib Canselor UTM)</i>
13 Nov 2013	Keusahawanan – Mutiara Motors	Penceramah Y. Bhg. Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Kemin <i>(Pengerusi Mutiara Motors Sdn. Bhd.)</i>

Jadual 10: Program Keilmuan 2013

PAMERAN

Pameran dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti yang mendokong pemupukan budaya keilmuan telah dijalankan sebanyak enam (6) kali di lobi dan foyer Perpustakaan UTM sepanjang tempoh 2013 seperti berikut:

Bil	Tarikh	Judul	Lokasi	Penganjur
1	Mac – Jun 2013	Pameran Tuanku Canselor - Raja Zarith Sofiah	Foyer Perp. UTM (Bangunan Sultanah Zanariah)	Perp. UTM (BSZ)
2	23 – 30 April 2013	Pameran World Book Day	Lobi Perp. UTM (Bangunan Sultanah Zanariah)	Perp. UTM (BSZ)
3	16 Ogos – 30 September 2013	Pameran Bulan Kemerdekaan	Lobi Perp. UTM (Bangunan Sultanah Zanariah)	Perp. UTM (BSZ)
4	November – Disember 2013	Pameran UTM Experts	Lobi Dewan Sultan Iskandar/ Foyer Perp. UTM (Bangunan Sultanah Zanariah)	Perp. UTM (BSZ)
5	18-29 November 2013	Pameran Hidupan Liar	Lobi Perp. UTM (Bangunan Sultanah Zanariah)	Perp. UTM (BSZ) & SMK Sri Gading
6	18 Disember 2013	Pameran Polis Diraja Malaysia	Lobi Dewan Sultan Iskandar	Perp. UTM (BSZ) & PDRM

Jadual 11: Pameran 2013



JUALAN BUKU DI PERPUSTAKAAN

Satu pameran jualan buku telah dianjurkan oleh Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru dengan kerjasama lapan (8) pembekal buku di Malaysia bermula dari 18 Februari sehingga 1 Mac 2013 dan telah mendapat sambutan menggalakkan daripada warga UTM terutama para pelajar.

Pameran jualan buku ini adalah sebahagian daripada penganjuran aktiviti oleh perpustakaan untuk menambah bilangan koleksi perpustakaan di samping keperluan sokongan serta kerjasama dari staf akademik UTM untuk membuat pemilihan bagi judul-judul baru buku melalui pemilihan di pameran buku yang diadakan oleh Perpustakaan dari masa ke semasa.





PROMOSI, MEDIA SOSIAL DAN PENERBITAN

Sepanjang tahun 2013, Perpustakaan telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi menyebarluas kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada orang ramai. Pelbagai kaedah promosi yang digunakan antaranya penerbitan bercetak atau elektronik melalui Portal, emel, Facebook, blog, i-board, buletin, Laporan Tahunan, brosur, bunting, banner dan poster.





KHIDMAT KOMUNITI DAN PERHUBUNGAN KORPORAT

Perpustakaan UTM sentiasa memastikan setiap program yang dilaksanakan mampu diukur kesannya melalui penglibatan staf, profesional maklumat dan masyarakat. Secara umumnya, program khidmat komuniti dan perhubungan korporat menjadi pemangkin kepada jalinan hubungan yang lebih akrab di antara perpustakaan dengan masyarakat setempat.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA UTM *READING STATIONS*: TANGGUNGJAWAB KHIDMAT SOSIAL



Perpustakaan UTM telah mengambil bahagian dalam Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013 pada 25 hingga 27 Ogos 2013 bertempat di Hotel Mahkota Melaka. Seminar ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik 2012/2014 dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM).

Puan Kamariah Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan UTM telah membentangkan kertas kerja bertajuk "UTM *Reading Stations*: tanggungjawab khidmat sosial". Kertas kerja tersebut membincangkan mengenai inisiatif membina budaya ilmu dan memupuk budaya membaca dalam kalangan warga kampus di dalam sesebuah universiti yang akan menzahirkan ekosistem intelektual. UTM melalui Perpustakaan sebagai

teraju telah memulakan inovasi baru dengan memperkenalkan perkhidmatan *Reading Stations* (RS) di dalam dan luar kampus yang telah dijenamakan sebagai UTMRS. Pembangunan UTMRS ini telah secara langsung memberi impak yang besar dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penulisan dan perundingan serta khidmat masyarakat kepada warga kampus dan masyarakat sekitar. Usaha UTM ini haruslah dipuji memandangkan UTMRS juga menzahirkan ekosistem intelektual dengan meningkatkan penyuburan budaya ilmu dan budaya membaca dalam kalangan masyarakat secara menyeluruh yang boleh dicontohi oleh banyak pihak khususnya di kalangan universiti yang lain.



KERJASAMA PERPUSTAKAAN DENGAN UTM OCEAN THERMAL ENERGY CENTRE (OTEC)

UTM Ocean Thermal Energy Centre (UTM OTEC) merupakan salah sebuah pusat kecemerlangan yang baru ditubuhkan bermula Januari 2013. Bidang keutamaan adalah berfokus kepada penyelidikan dalam *renewable energy sources*. UTM OTEC telah mula bekerjasama dengan Perpustakaan UTM di Kuala Lumpur dalam aspek penyediaan sumber rujukan yang bersesuaian. Beberapa bahan yang telah dikenalpasti telah ditempatkan di Perpustakaan Menara Razak dengan menyediakan satu sudut khusus bagi para penyelidik berkaitan penyelidikan mereka. Pustakawan turut membantu pihak OTEC dalam aspek pencarian bahan yang berkesan dengan turut menghadiri setiap kali mesyuarat OTEC yang diadakan.



PERJUMPAAAN BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Setiap tahun Perpustakaan UTM mengadakan sesi perjumpaan serta perbincangan bersama dengan kepimpinan baru MPM UTM dengan matlamat untuk berkongsi serta mendapatkan maklumbalas mengenai perkhidmatan perpustakaan. Bagi tahun 2013, sesi berkenaan telah diadakan pada 6 Februari 2013 yang telah menjadi medan pertukaran maklumat yang amat berguna untuk memastikan segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan adalah untuk dimanfaatkan oleh seluruh warga kampus.





LAWATAN PENANDAARAS PESERTA IFLA 2013

Inisiatif program bersama delegasi Persidangan International Federation of Library Association (IFLA) merupakan hasil kerjasama Perpustakaan UTM dan IFLA 2013 yang merupakan satu program kolaborasi yang julung kalinya telah menyaksikan penyertaan hampir 200 orang ke Perpustakaan UTM Johor Bahru pada 23 Ogos 2013.

Program Outreach IFLA ini antara lain bertujuan untuk mempromosi kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat luar. Aktiviti yang dilakukan adalah seperti taklimat berkaitan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan, pangkalan data, repositori UTM (UTM-IR). Dengan adanya pendedahan sebegini ia akan memberi gambaran jelas kepada para peserta mengenai kepentingan Perpustakaan UTM dalam menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran di selatan tanah air. Terdahulu sebelum itu, rombongan diberi taklimat ringkas mengenai Perpustakaan dan dibawa melawat ke seluruh bangunan perpustakaan. Rata-rata para peserta yang hadir pada program ini berpuashati dengan sambutan yang telah diterima dari pihak perpustakaan. Pada masa yang sama pihak perpustakaan turut menjalankan aktiviti jualan kraftangan pelbagai jenis barangan seperti keychain, kain dan pasu yang boleh dibawa balik oleh para pelawat ini. Sesi lawatan diakhiri dengan sesi gambar beramai-ramai sebagai tanda kenangan.

JALINAN KERJASAMA DENGAN PROTON SHAH ALAM

Jalinan kerjasama bersama dengan pihak Proton Shah Alam diteruskan lagi pada tahun 2013 untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada pihak luar. Pihak Perpustakaan UTM berusaha memberi khidmat nasihat berkaitan pembangunan perpustakaan kepada pihak Proton sebagai ahli korporat perpustakaan.





KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Kajian Kepuasan Pelanggan Perpustakaan UTM telah diadakan sebagai satu kaedah bagi memberi petunjuk kepada Perpustakaan akan tahap kepuasan pelanggannya. Kajian ini sangat penting kerana dapat memberikan maklum balas dan persepsi pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Kajian Kepuasan Pelanggan diperlukan juga dalam usaha Perpustakaan untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan untuk pengguna. Di samping itu juga, ianya diperlukan untuk mengenal pasti faktor yang perlu diberi perhatian dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan kepada pengguna perpustakaan.

Secara keseluruhan, pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan Perpustakaan UTM Johor Bahru menunjukkan pencapaian yang sederhana memuaskan iaitu sebanyak 72.64% pada tahun 2013. Pencapaian baik dicatatkan oleh Perpustakaan UTM Kuala Lumpur dengan pencapaian 85.6% pada tahun 2013. Antara pencapaian rendah yang dikenalpasti adalah meliputi kemudahan Wifi, kemudahan komputer dan perkhidmatan *interlibrary loan*. Maka, tindakan sewajarnya akan diambil oleh perpustakaan bagi memastikan perkhidmatan yang lebih baik dapat diberi kepada pelanggan serta meningkatkan prasarana dan infrastruktur berkaitan agar selari dengan pembangunan pendidikan masa kini.

Tahun	PSZ JB(%)	PSZ KL (%)	Purata
2012	72.82	71.8	72.31
2013	72.64	85.6	79.12

Jadual 12: Tahap Kepuasan Keseluruhan

Tahun	Ijazah Pertama (%)		Pasca Ijazah (%)		Staf Akademik (%)		Staf Bukan Akademik (%)	
	JB	KL	JB	KL	JB	KL	JB	KL
2012	79.56	68.4	60.33	71.2	69.35	91.3	82.03	77.6
2013	75	86	70.4	61.1	72.23	-	-	-

Jadual 13: Tahap Kepuasan Mengikut Kategori Pengguna



HARI BERTEMU PELANGGAN PERINGKAT UNIVERSITI

Perpustakaan UTM telah terlibat dalam program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Universiti 2013 yang merupakan satu inisiatif dalam usaha menyampaikan maklumat kepada orang ramai pada 26 hingga 28 November 2013 bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai terutama warga UTM yang terdiri dari para pelajar, staf dan pihak berkepentingan. Dengan adanya program ini banyak pihak yang berpuas hati kerana dapat mengenali dan mengetahui peranan Perpustakaan UTM yang sebenar. Ini secara tidak langsung dapat menambah ilmu pengetahuan mereka dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan di masa akan datang.



PERLANTIKAN SEBAGAI JURI PERTANDINGAN NILAM (BAHASA INGGERIS) NEGERI JOHOR

Timbalan Pustakawan, Puan Noraziah Sharuddin telah dilantik sebagai juri bagi mengadili Pertandingan Anugerah NILAM peringkat negeri Johor yang telah berlangsung pada 27 Februari 2013 bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan, Johor Bahru. Beliau telah dipilih sebagai juri bagi mengadili Anugerah NILAM (Bahasa Inggeris) bagi kategori Sekolah Menengah. Lantikan ini secara tidak langsung mengharumkan lagi nama Perpustakaan UTM dalam menjalankan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat setempat.



KHIDMAT MASYARAKAT

Perpustakaan UTM dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPMKS) Kumpulan Selatan telah menyumbangkan sejumlah 662 buku serta empat buah komputer terpakai kepada Sekolah Kebangsaan Ayer Manis Kulaijaya pada 30 Oktober 2013. Kerjasama komuniti ini adalah sebahagian dari usaha membantu pihak sekolah dalam menambah bilangan buku, bahan bacaan dan komputer agar budaya membaca dan minat kepada bahan bacaan dalam kalangan masyarakat pelajar sekolah dapat ditanam seawal mungkin.



Majlis penyerahan komputer dan buku ini telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan UTM, Puan Kamariah Nor Mohd Desa.

Turut hadir adalah Encik Seroun Samsuddin, Guru Besar SK Ayer Manis dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Ayer Manis, Encik Iskandar Mirza Ahmad. Selain itu, UTM *Reading Station* (UTMRS) yang menjadi tanggungjawab sosial Perpustakaan UTM juga telah dibangunkan di sekolah ini untuk menjadikan budaya membaca sebagai aktiviti berfaedah bagi mengisi masa lapang warga sekolah.

Program ini secara tidak langsung telah meningkatkan nisbah 14 buku bagi setiap murid di sekolah ini yang mempunyai seramai 320 orang murid. Ini kerana pada masa yang sama sekolah ini menyasarkan nisbah ini bertambah kepada 15 buku hasil dari sumbangan bahan bacaan ini.





KOMUNIKASI DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI

Komunikasi dan Pengurusan Teknologi dirangka selaras dengan keperluan pasaran yang memerlukan sumber manusia yang mampu menguasai disiplin periklanan, perhubungan awam, teknologi maklumat dan komunikasi secara bersepadu.

PERKONGSIAN MAKLUMAT AHLI PERSIDANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI DAN NEGARA (PERPUN)

Perpustakaan UTM merupakan salah satu perpustakaan IPTA yang terlibat di dalam perkongsian maklumat bibliografik koleksi perpustakaan di peringkat kebangsaan melalui projek yang dibangunkan oleh PERPUN iaitu MALCAT, MyULIS dan MyTO. Bagi tahun 2013, rekod bibliografik koleksi Perpustakaan UTM telah dimajukan kepada Sekretariat Projek berkenaan seperti berikut:


Malaysian Academic Library Union Catalog (MALCAT): 567,095 rekod

Malaysian Thesis Online (MyTO) : 10,334 rekod

Malaysian Union List of Serials IPTA/IPTS (MyULIS) : 5,269 rekod

Maklumat rekod bibliografik ini boleh diakses dengan mudah melalui portal rasmi PERPUN iaitu :

<http://perpun.upm.edu.my/myuninet/>



APLIKASI TELEFON PINTAR

Telefon pintar merupakan trend masakini dalam mengakses maklumat di internet. Sejak dengan teknologi semasa, Perpustakaan juga telah menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk membuat pencarian katalog (OPAC) perpustakaan atau mengakses akaun pengguna menggunakan telefon pintar atau android melalui aplikasi BookMyne (versi 3.0.1). Aplikasi ini telah disediakan di portal perpustakaan atau boleh dimuat turun secara percuma dari Google Play dan Apple Store (App Store).





KEMUDAHAN KOMPUTER

Perpustakaan UTM turut memastikan pengguna perpustakaan dapat mengakses maklumat yang diperlukan dalam proses pembelajaran, pengajaran atau penyelidikan sepanjang masa mereka berada dalam perpustakaan. Sebanyak 400 unit komputer sewaan (leasing) baru telah ditempatkan oleh pihak di Perpustakaan UTM Johor Bahru dan cawangannya di Kuala Lumpur mulai 3 Julai 2013 bagi memastikan pengguna mendapat kemudahan terbaik. Jumlah komputer sehingga hujung 2013 ialah:

Bangunan Sultanah Zanariah, UTMJB : 120 unit

Bangunan Raja Zarith Sofiah, UTMJB : 130 unit

Bangunan Sultanah Zanariah, UTMKL : 150 unit



PORTAL PERPUSTAKAAN UTM

Pada April 2013 Portal utama Perpustakaan yang baru telah dilancarkan menggunakan sistem aplikasi Enterprise (<http://ent.library.utm.my>). Portal ini telah diintegrasikan dengan Sistem Pengurusan Perpustakaan bagi pencarian katalog atas talian Perpustakaan atau *Online Public Access Catalogue* (OPAC). Latihan kepada Jawatankuasa Portal atau Portal Webteam Perpustakaan telah dilaksanakan pada Februari 2013 bagi membantu pengendalian penggunaan sistem Enterprise.



PEMBANGUNAN LAIN-LAIN PORTAL

Portal Sokongan Perkhidmatan Perpustakaan

Selain dari portal utama perpustakaan, beberapa portal baru juga dibangunkan pada tahun 2013 untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan serta membantu staf mengendalikan kerja dengan lebih efisyen.

Antara portal tersebut ialah:

Portal Sandaran Enterprise Perpustakaan: <http://portal.psz.utm.my/ent>

Portal ini dibangunkan untuk menyokong portal utama Perpustakaan UTM bagi penempatan dokumen tertentu seperti penerbitan perpustakaan dan *Management Corporate Presentation Slides* (akses terhad) memandangkan portal utama Perpustakaan tidak dapat menyokong sepenuhnya bahasa pengaturcaraan XHTML dan CSS.

Akses kepada bahan ini adalah melalui <http://ent.library.utm.my>



Portal Borang/Soal Selidik Perpustakaan: <http://portal.psz.utm.my/eform>

Portal ini dibangunkan untuk memudahkan Perpustakaan mengendalikan kajian soalselidik mengenai perpustakaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna serta penempatan borang yang berkaitan dengan perkhidmatan perpustakaan.


Laman web ini dibangunkan menggunakan komponen CMS *Wordpress*.



Portal Sokongan Penyelidikan:

<http://portal.psz.utm.my/support>


Pada tahun 2013, portal ini dibangunkan untuk memudahkan staf memberi maklumat berkaitan dengan penyelidikan kepada pengguna atau penyelidik di UTM.
Laman web ini dibangunkan menggunakan komponen CMS *Wordpress*.



Portal Mesyuarat Perpustakaan:

<http://portal.psz.utm.my/eksekutif>

Kemaskini telah dibuat terhadap portal ini untuk menempatkan dokumen Mesyuarat Pengurusan/Semakan Pengurusan Bahagian di Perpustakaan UTM dan *Mesyuarat Research Data Management (RDM)*.
Laman web ini dibangunkan menggunakan komponen CMS *Joomla*.






PENGUKUHAN KOLEKSI

Perpustakaan sentiasa berusaha untuk menyediakan sumber maklumat yang mantap dan terkini bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti. Koleksi perpustakaan yang terdiri daripada buku, jurnal bercetak dan elektronik serta bahan media telah bertambah sejajar dengan perkembangan universiti.

STOK PERPUSTAKAAN



Rajah 28:
Stok Perpustakaan 2013

Rajah 28 menunjukkan perbandingan jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga Disember 2013 bagi semua kategori. Koleksi terbanyak adalah bagi bahan media elektronik berjumlah 3,201,670 naskah diikuti koleksi monograf sebanyak 642,639 naskah.

Keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga Disember 2013 adalah sebanyak 4,126,834 naskah.

Bagi tahun 2013, sebanyak 17,233 judul bahan dan 17,653 naskah yang telah dikatalog.


PENDIGITALAN BAHAN

Bagi tahun 2013, proses pendigitalan yang telah dilakukan adalah sebanyak 6594 judul.



LANGGANAN JURNAL ELEKTRONIK DAN MEDIA ELEKTRONIK SECARA KUMULATIF (2012-2013)

Bagi menyediakan prasrama penyelidikan dan kemudahan akses kepada penyelidik dan pelajar pasca ijazah, pada tahun 2013 langganan kepada buku elektronik telah dipertingkatkan melalui tambahan bajet Universiti Penyelidikan berjumlah RM1,000,000.00 (2,511 judul) menjadikan akses keseluruhan sebanyak 108,745 judul iaitu meningkat 2.3% berbanding tahun 2012. Akses kepada e-jurnal juga meningkat sebanyak 19.2% iaitu 664,291 artikel teks penuh. Pangkalan data e-tesis juga meningkat 11.6% dari tahun 2012 menjadi 2,238,083 judul manakala langganan kepada e-video dan jurnal cetak tidak berubah.



Rajah 29: Langganan Jurnal Elektronik dan Media Elektronik Secara Kumulatif (2012-2013)

PEMBANGUNAN PROFIL CANSELOR UTM

Pembangunan Profil Canselor UTM adalah projek pembangunan koleksi berkaitan Canselor UTM. Ianya bertujuan untuk mengumpul, menyimpan dan memelihara maklumat mengenai Canselor UTM dan sebagai bahan maklumat yang bernilai tinggi untuk kepentingan rujukan dan kebanggaan generasi UTM di masa hadapan. Projek ini meliputi maklumat peribadi, gambar, artikel surat khabar atau majalah, penulisan dan lain-lain koleksi/maklumat mengenai Canselor UTM.

Empat (4) Canselor UTM adalah seperti berikut :

DYMM Almarhum Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim
DYMM Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail
DYMM Sultanah Zanariah binti Almarhum Tunku Ahmad
DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah

Seramai tujuh (7) orang staf di bawah Bahagian Pembangunan Sumber (BPS) dibantu oleh staf Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) terlibat dalam projek ini.

Antara lokasi yang dikenalpasti bagi mendapat bahan atau maklumat projek adalah seperti berikut:

Canseleri UTM
Arkib Negara Malaysia, Cawangan Johor
Majlis Wanita Johor (MAWAR)
Yayasan Warisan Johor
Muzium Kota Tinggi, Johor
Muzium Muar, Johor
Muzium Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor
Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, Kuala Lumpur



STRATEGI 2014

Perpustakaan UTM sentiasa berusaha bagi memudah dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada semua pelanggannya bagi memastikan mereka mendapat kemudahan sewajarnya. Bagaimanapun dalam keadaan tertentu, kerjasama pelanggan juga diperlukan bagi memudahkan pihak perpustakaan menjalankan peranan dengan lebih lancar dan dapat memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat. Sehubungan itu Perpustakaan akan bergerak selari dengan moto perpustakaan iaitu *Information Excellence*.

PEMERKASAAN MODAL INSAN

Perpustakaan akan menggiatkan diri secara aktif dan menjalinkan hubungan rapat dengan profesional pengurusan maklumat dan bidang perpustakaan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Inisiatif ini penting untuk Perpustakaan terus mempelajari dengan berkongsi pengalaman dan kapakaran profesional maklumat di rantau ini dan dunia amnya terutamanya apabila amalan perpustakaan tanpa sempadan telah dibangunkan sepenuhnya dan diamalkan secara meluas di negara luar. Semoga usaha pada tahun 2014 dalam perkara ini secara tidak langsung akan memberikan impak terhadap imej Perpustakaan.

Selain itu, kejayaan sesebuah perpustakaan kini turut didukung oleh pembangunan modal insan yang berkualiti. Menyedari hakikat ini, usaha-usaha yang menjurus kepada meningkatkan keupayaan modal insan menerusi penguasaan ilmu, pemupukan masyarakat berbudaya dan pemantapan aspek moral serta nilai-nilai murni yang tinggi perlu terus dipergiatkan. Inisiatif-inisiatif ini merupakan antara perancangan Perpustakaan ke arah memperkayakan modal insan sebagai teras utama pembangunan perpustakaan dalam menyokong UTM sebagai Universiti Penyelidikan.



PEMANTAPAN KOLEKSI GALERIUM DAN ARKIB UTM

Kegiatan pemuliharaan dan mengumpul koleksi bagi Galerium dan maklumat dan arkib UTM akan dipertingkatkan dari masa ke semasa dengan perancangan pembangunan koleksi ini pada tahun 2014. Ini kerana koleksi ini merupakan sebahagian daripada tujuan Galerium diwujudkan iaitu untuk menyimpan koleksi amanah untuk generasi akan datang. Dalam konteks ini, pemeliharaan jangka panjang dalam penjagaan dan pemuliharaan serta turut bertanggungjawab mengadakan pameran adalah untuk mengekalkan standard dan kualiti yang tinggi dalam koleksi ini.



INISIATIF RESEARCH DATA MANAGEMENT PROJECT

Segala usaha yang dilaksanakan bagi menyokong agenda transformasi Universiti, haruslah diiringi dengan pelaksanaan program perpustakaan yang berkesan bagi memastikan semua inisiatif UTM dapat dikomunikasikan dengan jelas dan telus bagi memberi sepenuh pendedahan dan manfaat kepada pelanggan. Dalam hal ini, Perpustakaan UTM akan merancang untuk melaksanakan *Research Data Management Project Initiative* pada tahun 2014-2015. Usaha ini penting bagi memastikan data penyelidikan UTM dikumpul, diurus dan disebarluaskan semula bagi memperkayakan ilmu pengetahuan.



KEPUASAN PELANGGAN

Berasaskan kepada Kajian Kepuasan Pelanggan 2013, Perpustakaan UTM akan berusaha meningkatkan beberapa kemudahan seperti Wifi dan komputer serta perkhidmatan *interlibrary loan*. Langkah sewajarnya akan diambil oleh perpustakaan bagi memastikan perkhidmatan yang lebih baik serta prasarana fizikalnya dapat memenuhi keperluan pelanggan serta mencapai sasaran pada tahap 80%.



PENINGKATAN HIGH IMPACT COMMUNITY PROJECTS

Hubungan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan amat penting bagi memastikan isu-isu berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dapat diselesaikan dengan cepat seterusnya meningkatkan kepuasan pelanggan. Selain itu, usaha berterusan dilaksanakan oleh Perpustakaan bagi menyampaikan maklumat, memberi kesedaran serta pendidikan kepada masyarakat tentang perpustakaan. Dalam tahun

2014, perpustakaan akan melaksanakan beberapa program yang melibatkan pihak berkepentingan, promosi dan penjenamaan semula perpustakaan. Program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk meningkatkan imej Perpustakaan UTM dan memberi pendidikan kepada orang ramai amnya terutama sekali tentang peranan dan fungsi perpustakaan sebagai pusat sokongan keliuman, pengajaran dan pembelajaran di Johor.



MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN AKSES SECARA ATAS TALIAN

Seiring dengan pembangunan teknologi masa kini dan kepentingan pelanggan diutamakan, Perpustakaan UTM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan secara atas talian. Buat masa ini Perpustakaan telah menyediakan perkhidmatan secara atas talian kepada semua perkhidmatan pangkalan data dan sumber maklumat elektronik. Bagi tahun 2014, antara strategi-strategi yang telah dirancang untuk memenuhi keperluan di atas ialah dengan memantapkan lagi promosi perkhidmatan di samping menyediakan produk baru untuk kemudahan pelanggan dan *stakeholders* Perpustakaan.

MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI

Pada tahun 2014, Perpustakaan bercadang menaiktaraf *Server Library RFID Application System* (LIBRA) iaitu Sistem Pengoperasian bagi Sistem LIBRA menggunakan *Windows Server 2003* yang perlu dinaiktaraf kepada sistem pengoperasian (OS) terkini bagi memenuhi keperluan semasa. Selain itu, Perolehan Sistem Pemantauan Rangkaian & *Intrusion Prevention System* (IPS) baru perlu dilakukan memandangkan model IPS yang digunakanai

akan mengalami proses *End of Support* (EOS) pada akhir tahun 2014. Penggantian model IPS yang baru adalah sangat penting memandangkan IPS dapat meningkatkan tahap keselamatan rangkaian Perpustakaan UTM terutama dari tahap 4 hingga tahap 7 *Open System Interconnection* (OSI) seperti pencerobohan penggodam, ancaman virus, DoS, DDoS dan sebagainya.



PERPUSTAKAAN DI PERSADA GLOBAL

Meyakini kemampuan Perpustakaan dalam mengarusperdanakan usaha-usaha transformasi UTM, Perpustakaan UTM kini turut mendapat perhatian dan pengiktirafan di persada global. Ia akan terus memainkan peranan aktif dalam pertubuhan antarabangsa seperti *International Association of Scientific & Technological University Libraries* (IATUL), *International Federation of Library Associations & Institutions* (IFLA), Persidangan Perpustakaan Universiti & Perpustakaan Negara (PERPUN), Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Selatan (PPMKS) dan *The Malaysian Online E-Resources Consortium* (MOLEC) serta pihak PROTON Malaysia. Perpustakaan juga menjalin hubungan serta berkongsi pengalaman dengan agensi-agensi luar negara khususnya dalam pemodenan pengurusan dan perkhidmatan maklumat.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA

ent.library.utm.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU
MALAYSIA

TEL 607 553 3333
FAX 607 557 2555